

Jilid II  
Bil. 34



Hari Selasa  
16hb Oktober, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4949]

**PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI PASIR PUTEH**  
[Ruangan 4989]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 4991]

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perhutanan Negara [Ruangan 4992]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.  
(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang  
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Putih).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.  
(Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 16hb Oktober, 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PUSAKABUMI—MATLAMAT  
PENUBUHAN PUSAKABUMI**

**1. Tuan Omar bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah matlamat sebenar penubuhan Pusakabumi dan sejauh manakah pencapaian Badan tersebut dalam objektif-objektif yang telah ditetapkan. Apakah benar Pusakabumi telah dipertanggungjawabkan mengambil alih peranan unit penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya. Jika benar; adakah ini boleh ditakrif sebagai usaha menyusun semula Pusakabumi untuk lebih berkesan lagi dalam peranannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Pusakabumi telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera dalam melaksanakan kontrak kerja Kerajaan. Bantuan yang diberi ialah dari penyebaran maklumat yang diperlukan oleh pemborong, khidmat

nasihat dan tindakan menyelesaikan masalah yang mungkin mengendalakan pelaksanaan kerja-kerja.

Penyelarasan peraturan dengan agensi Kerajaan yang lain dalam hal mengenai pendaftaran, pembayaran kemajuan kerja, latihan dan lain-lain dengan tujuan melicinkan dan menyenangkan urusan di pihak pemborong itu.

Bagi meningkatkan kekesan perkhidmatan kepada pemborong Pusakabumi sekarang ini dijadikan pusat tunggal bagi mendaftarkan kontraktor kerja yang berminat mengambil urusan tawaran kerja Kerajaan dan diberi tanggungjawab menentukan taraf bumiputera syarikat berkenaan serta menjadi pusat rujukan kepada pemborong kerja. Selain daripada pendaftaran kontraktor kerja dan pemberian taraf bumiputera yang sekarang dipusatkan di Pusakabumi, tugas memberi khidmat nasihat serta urusan dengan kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja di Kementerian masing-masing dan agensi Kerajaan berkenaan dikekalkan di Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian dan atau agensi tersebut sekiranya unit berkenaan sudahpun wujud sepertimana dengan Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya.

Tanggungjawab Pusakabumi dalam hal ini lebih tertumpu kepada Kementerian atau agensi Kerajaan yang tiada mempunyai unit yang

berkenaan. Pada keseluruhannya boleh dikatakan Pusakabumi telah berjaya mencapai objektifnya untuk membantu kontraktor bumiputera. Pada anggarannya sebanyak 75% daripada masalah yang dikemukakan oleh kontraktor bumiputera telah dapat diselesaikan. Bakinya merupakan perkara-perkara yang tidak di bawah bidang kuasa Pusakabumi yang kebanyakannya meliputi isu-isu timbangtara.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapakah had tender ataupun kerja-kerja yang diberi kepada Pusakabumi untuk penyertaan bumiputera setakat ini, ataupun satu-satu jenis projek yang termahal dan apakah tidak berlaku pilih kasih dalam Pusakabumi itu sendiri di dalam memilih bumiputera manakah yang akan diberikan projek atau dilaksanakan projek? Ini supaya tidak berlaku tuduh menuduh di antara satu sama lain.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sukacita membacakan kelas kontraktor-kontraktor yang didaftarkan kerana ini ada kaitan dengan soalan terutama dari segi had.

Kelas A1	— \$750,000 ke atas
Kelas A	— \$500,001 hingga \$10 juta
Kelas B	— \$250,001 hingga \$4 juta
Kelas BX	— \$100,001 hingga \$2 juta
Kelas C	— \$100,001 hingga \$1 juta
Kelas D	— \$ 75,001 hingga \$500,000
Kelas E	— \$ 70,001 hingga \$250,000
Kelas EX	— \$ 35,001 hingga \$100,000; dan
Kelas F	hingga kepada \$70,000

Bagi jawapan kepada yang kedua sama ada, ada pilih kasih atau tidak sebenarnya dari segi segi teknikal masalah ini tidak timbul kerana yang memberikan tender itu bukan dibuat

oleh pihak Pusakabumi. Pusakabumi hanya memberi nasihat-nasihat untuk memperbaiki permohonan tender yang dibuat dan akhir sekali tender bagi projek-projek itu terletak kepada mana-mana pihak yang membuat tender untuk projek sama ada Kementerian ataupun agensi Kerajaan.

**Tuan Haji Seroja bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa lamakah masa satu-satu permohonan untuk kontraktor bumiputera diproses bagi menentukan berjaya atau tidak. Dan yang kedua apakah perbezaan satu-satu pendaftaran pemborong yang mendapat pengiktirafan bumiputera dengan yang tidak mendapat pengiktirafan dari segi keutamaan dan sebagainya.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan sedikit di sini oleh kerana terdapat keputusan Kerajaan untuk meningkatkan semula tugas Pusakabumi. Sehingga sekarang ini Pusakabumi sedang lagi di dalam tahap menyelaraskan segala pendaftaran semua dari syarikat-syarikat yang berjumlah 43,000 daripada semua golongan yang mesti diselaraskan semula supaya kelas syarikat itu ditentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini terdapat syarikat-syarikat yang mempunyai pelbagai gred atau kelas mengikut di mana ia mendaftar. Dan juga Pusakabumi sedang dalam proses membuat pendaftaran syarikat-syarikat yang baru yang sekarang ini berjumlah daripada April sampai sekarang sudahpun mendapat permohonan sehingga angka 609. Jadi, masalah sama ada bila dan berapa lama dia berjaya belum timbul lagi sehinggalah pihak Pusakabumi dapat menyelesaikan masalah penyelarasan yang saya sebutkan tadi.

**KONTIJEN SUKAN NEGARA  
KE SUKAN OLIMPIK—  
PERBELANJAAN**

**2. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah perbelanjaan yang telah digunakan untuk membiayai kontinjen Sukan Negara ke Sukan Olimpik dalam bulan Ogos yang lepas ini di Los Angeles. Dan bolehkah diterangkan kemampuan (prestasi) ahli-ahli sukan kita jika dibandingkan dengan kemampuan ahli-ahli sukan negara-negara lain yang mencapai banyak kejayaan di sukan tersebut;
- (b) memandangkan kemerosotan dan kelemahan ahli-ahli sukan kita, adakah Kementerian ini memikirkan untuk tidak menghantar lagi peserta-peserta ke sukan Olimpik di masa akan datang, sehingga darjah kemampuan mereka itu didapati setanding dengan ahli-ahli sukan negara-negara yang lain; dan
- (c) apakah usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan bagi mengatasi kelemahan yang berterusan kepada mutu sukan negara kita.

2-11-1984

**11. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan dan langkah berkesan kementerianya bercadang untuk meninggi atau memperbaiki taraf sukan di negara ini memandangkan prestasi ahli sukan kita yang bertanding dalam Sukan antarabangsa seperti Olimpik semakin merosot.

22-11-1984.

**7. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar mutu dan taraf sukan negara ini telah jatuh; jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki serta meningkatkan mutu dan taraf sukan Malaysia kepada zaman gemilang yang pernah ditempo dahulu.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar (2-11-1984) dan juga Yang Berhormat dari Sungei Besi (22-11-1984) kerana tujuannya serupa.

Tuan Yang di-Pertua, (a) kita telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak kira-kira \$132,000 untuk membiayai Kontinjen Sukan Negara di Sukan Olimpik Ke 23 di Los Angeles pada bulan Ogos yang lalu. Ini tidak termasuk perbelanjaan tambang dan penginapan 6 orang atlit yang dijemput khas oleh International Olympic Council. Sebenarnya untuk membuat sesuatu perbandingan dan ukuran yang saksama berhubung dengan prestasi antara sebuah negara dan dengan negara yang lain akan mengambil kira berbagai-bagai faktor. Walau bagaimanapun, mengikut analisa yang telah dibuat prestasi kita keseluruhannya tidaklah begitu rendah daripada sebahagian besar daripada negara-negara yang sedang membangun bahkan jika dibandingkan dengan negara-negara di Tenggara Asia prestasi kita adalah baik.

Dalam peringkat saringan atlit dari segi sukan olahraga dan lumba basikal telah mencapai tahap yang baik jika dibandingkan dengan mereka dari negara-negara Tenggara Asia.

Untuk jawapan (b), adalah menjadi kebanggaan bagi sesebuah negara untuk mengambil bahagian dalam Sukan Olimpik. Kita juga berbangga terutamanya Pasukan Hoki kita bertanding di Sukan Olimpik itu berasaskan kepada kemampuan dan kelayakan iaitu hanya 12 negara sahaja di dunia ini yang layak mengambil bahagian dalam sukan ini.

Berkenaan dengan sukan-sukan yang lain penyertaan kita seperti yang kita sedia maklum sebelum bertolak ke Los Angeles adalah berdasarkan kepada jempunan. Kita akan terus mengambil bahagian jika kita mencapai kelayakan yang ditentukan oleh Sukan Olimpik dan juga sukan-sukan yang lain bahkan kita perlu bertanding jika kita mempunyai kelayakan berdasarkan kepada prestasi semasa yang kita boleh mencapai kejayaan dalam sesuatu kejohanan itu.

Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa kita tidaklah seharusnya menghantar atlit-atlit kita yang tidak mempunyai kemampuan atau prestasi. Saya telah mengarahkan supaya pada masa hadapan pemilihan atlit-atlit kita ke kejohanan antarabangsa hendaklah dibuat dengan telitinya dan pencapaian mereka hendaklah menasabah.

(c) Kita sedar akan betapa pentingnya persaingan di kalangan sukan antarabangsa dan kita juga sedar akan meningkatnya prestasi atlit-atlit sendiri.

Untuk menghadapi keadaan yang seperti ini dan mempertingkatkan lagi mutu Sukan kita, Kerajaan melalui berbagai-bagai agensi-agensi sukan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan, Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan menyediakan berbagai-bagai rancangan, ada yang sedang

dilaksanakan dan ada yang akan dilaksanakan. Umpamanya menambahkan kemudahan-kemudahan sukan, memperkokohkan pentadbiran persatuan-persatuan sukan yang mengelola berbagai-bagai jenis sukan, mengadakan skim perangsang bagi ahli-ahli sukan yang bertujuan untuk membantu atlit-atlit yang tertentu, mempertingkatkan mutu latihan mereka, mengadakan rancangan-rancangan latihan bagi pegawai dan jurulatih dalam negeri dan di luar negeri dan mempertingkatkan latihan kepada atlit-atlit sendiri di dalam dan di luar negeri.

Sejak tahun 1982 Kerajaan telah menghidup semula Majlis Sukan Negara Malaysia yang ditugaskan supaya memberi perhatian dan keutamaan untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan iaitu biasa disebut "sukan prestasi tinggi".

Kerajaan juga sedang merancang dengan pesatnya penubuhan Institut Sukan Negara yang bertujuan tidak lain dan tidak bukan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu cara untuk mempertingkatkan mutu sukan negara kita adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengadakan satu dasar bagi tujuan untuk membekalkan lebih banyak kemudahan-kemudahan sukan bukan sahaja di bandar-bandar besar seperti stadium dan lain-lain akan tetapi juga di tiap-tiap daerah ada cukup tempat misalnya yang membolehkan bakal-bakal ahli-ahli sukan untuk mengambil bahagian baikpun dalam bidang bolasepak ataupun sukan-sukan jenis yang lain dan saya harap bahawa saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan hal ini.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:**  
Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kita untuk melaksanakan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tetapi terlaksananya ataupun tidak perkara ini bergantung kepada banyak faktor terutamanya daripada segi kewangan.

Walau bagaimanapun, saya sendiri berkepercayaan bahawa kalau kita hendak meningkatkan mutu sukan di negara kita ianya hendaklah dijalankan awal-awal lagi iaitu daripada peringkat sekolah. Perkara ini saya sendiri telah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya sama-sama kita mengkordinasikan pelaksanaan rancangan seperti ini.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:**  
Tuan Yang di-Pertua, bila kita bandingkan ahli sukan negara kita dengan ahli sukan negara Amerika, Jepun dan sebagainya kita lihat ahli sukan negara kita terlalu kecil badan mereka, dan tentulah dari segi fizikalnya kemampuan olahragawan kita tidak boleh bersama-sama untuk menampung kejayaan.

Saya difahamkan di negeri Jepun walaupun pada mulanya bangsa mereka bangsa kecil-kecil, sekarang sudah menjadi bertambah besar ialah kerana mereka membuat satu dasar makanan iaitu menentukan supaya anak-anak kecil mereka minum susu dan makan daging supaya physicya bertambah besar. Jadi, adakah Kerajaan kita membuat satu dasar supaya anak-anak kita diubahsuai makanan protin iaitu susu dan daging supaya badan bertambah besar dan bertambah tinggi, bertambah panjang langkah mereka untuk berlari. Oleh sebab yang demikian barangkali dari segi physicya mereka boleh membuat satu sokongan kepada kekuatan ahli olahragawan-olahragawan kita.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:**  
Tuan Yang di-Pertua, kelayakan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah benar tetapi bukan sahajalah dari segi makanan tetapi mesti ada exercisanya baru kita cukup tinggi, cukup besar dan seterusnya. Kementerian Pelajaran telah mengadakan Skim Bantuan Makanan termasuklah skim minuman susu tetapi kita amat dukacita sekali perkara ini iaitu skim susu sekolah telah dihebohkan dengan cerita susu basi yang menyebabkan anak-anak sekolah jatuh sakit sehingga banyak daripada anak-anak kita tidak mahu minum susu lagi. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi skim bekalan susu ke sekolah-sekolah ini akan dapat menentukan skim ini diteruskan supaya dapat mencapai matlamat yang dihasrat oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, memanglah hasrat kita dan adalah satu cadangan baik kalau masalah makanan ini dapat dilaksanakan supaya dapat menghasilkan rakyat yang lebih sihat supaya dapat menandingi atlit-atlit dari mana juapun.

#### MINUMAN KERAS— KELUARAN TEMPATAN/IMPORT

**3. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah pengeluaran tempatan dan import minuman keras (liquor) negara ini bagi tahun-tahun 1982-1984 dan berapakah jumlah penggunaan (consumption) oleh rakyat negara ini. Adakah dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengharam atau menyekat "consumption" minuman-minuman keras di kalangan rakyat negara ini, terutamanya di kalangan umat Islam.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):**

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran tempatan minuman keras ialah 120.1 juta liter dalam tahun 1982, 97.6 juta liter dalam tahun 1983 dan 46.0 juta liter bagi tempoh Januari-Jun 1984. Jumlah yang diimport untuk tempoh yang sama ialah 8.6 juta liter, 6.9 juta liter dan 3.2 juta liter. Hampir kesemua yang diimport terdiri dari jenis minuman yang tidak dikeluarkan tempatan seperti brandy dan whisky. Memandangkan jumlah eksport adalah terlalu kecil, bolehlah dianggap bahawa pengeluaran tempatan dan import merupakan jumlah pengguna tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mengharamkan atau menyekat amalan minuman keras di kalangan rakyat negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa mengambil langkah yang wajar dan perlu untuk menyekat amalan minuman keras di kalangan rakyat negara ini, terutamanya di kalangan umat Islam. Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah mengedarkan dengan meluas risalah kecil berjudul, "Bahaya Arak Kepada Manusia" kepada masyarakat umum. Di samping itu, di dalam ceramah-ceramah agama anjuran Jabatan tersebut sering menekankan arak itu amat membahayakan kepada rohani dan jasmani manusia. Kerajaan juga telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang berkuasa di mes-mes tentera dan polis supaya umat Islam hendaklah disekat dari minum arak.

**Tuan Ismail bin Said:** Soalan tambahan. Kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angkanya di sini saya ingin tahu tentang jumlah kilang-kilang yang mengeluarkan minuman keras yang

terdapat di negara kita sekarang dan jenis-jenis minuman yang dikeluarkan dan adakah terdapat sebarang permohonan baru untuk membina kilang-kilang minuman keras di negara kita ini?

Soalan yang kedua sama ada beliau bercadang untuk mengharamkan pengimportan minuman keras daripada luar negeri?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kilang Beer dan Stout dalam negara kita ini ada statistik dan laporannya yang panjang dan saya boleh beri secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan laporan minuman keras dalam negara kita ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa minuman keras iaitu arak adalah membahayakan diri, boleh membahayakan kesihatan dan juga membahayakan rohani manusia. Dan bahaya itu telah disedari oleh Kerajaan, jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menutup kilang-kilang arak yang ada di negara kita ini supaya amalan meminum arak tidak menjadi satu perkara yang berleluasa dalam negara ini dan Perlembagaan negara ini menentukan bahawa Islam adalah Agama Rasmi bagi Negara ini?

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya sendiri tak minum langsung minuman keras tetapi saya tahu berkenaan agama Islam tak benarkan orang-orang Islam minum minuman keras tetapi di negara kita ini merupakan satu masyarakat berbilang kaum, saya ingat bagi orang-orang bukan Islam kalau hendak minum bolehlah dibenarkan mereka minum dan fasal itu Kerajaan tidak bercadang untuk menutup kilang minuman keras.

## PRESKRIPSI UBAT OLEH DOKTOR

4. **Dr Tang Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan doktor yang didapati kurang berpengetahuan (well-versed) dalam ubat yang mereka 'prescribe'; dan bilangan doktor yang didapati terlibat dalam praktis 'broad spectrum' atau 'counter-productive' dalam penentuan ubat yang diberi. Apakah maksud 'physician' yang digunakan oleh Kementeriannya dan segi penggunaan ubat. Bolehkah beliau menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan apa yang dikatakan kurang berpengetahuan itu.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini saya percaya ada hubungannya dengan ucapan yang dibuat oleh saya sendiri di Majlis Pelancaran "Know Your Medicine Campaign" yang dianjurkan oleh FOMCA di Kuala Lumpur pada 9hb September tahun ini. Kempen ini adalah sebahagiannya ditujukan kepada "treating physician" iaitu seorang pengamal perubatan yang merawat pesakit-pesakit supaya ditanamkan kesedaran tentang betapa pentingnya pengendalian (handling) ubat-ubat secara betul dan supaya mereka memberitahu pesakit-pesakit mereka akan ubat-ubat yang diberikan kepada mereka. Sebahagian besar dari ucapan saya tersebut menekankan betapa pentingnya diwujudkan kesedaran di kalangan orang-orang awam akan bahaya mengubatkan diri sendiri atau "self-medication".

Sebagaimana yang diketahui terdapat bermacam jenis ubat-ubat farmaseutikal dalam pasaran di negara kita. Lebih kurang 25,000 "formulations" yang mempunyai efikasi dan kekesan yang berlainan boleh diperolehi iaitu lebih kurang 10 kali ganda dari apa yang terdapat

dalam pasaran di negara-negara Eropah. Ubat-ubat ini dijual di sini kerana terdapat permintaan (demand) dari doktor-doktor yang mempreskripsi ubat-ubat itu kepada pesakit-pesakit mereka dan juga, dalam kes-kes tertentu, dari pengguna-pengguna yang menggunakannya tanpa preskripsi dari doktor.

Oleh kerana terdapatnya terlalu banyak jenis ubat-ubat pada amnya dan untuk sesuatu penyakit mungkin terdapat keadaan di mana seseorang doktor tidak begitu biasa (familiar) dengan semua ubat itu, khasnya mengenai kesesuaian (compatibility), interaksi, kesan-kesan sampingan dan sukatannya, kecuali beliau mempunyai pengalaman atau membuat rujukan yang tertentu kepada dokumen-dokumen yang terbaru. Oleh kerana itulah terdapat "polypharmacy" atau "polytherapeutics" serta penggunaan secara meluas "broad spectrum antibiotics". "Polypharmacy" ialah amalan mempreskripsi lebih dari satu jenis ubat yang mempunyai fungsi atau kesan farmakologi yang sama, di mana keadaan tidak memerlukan.

Walaupun perangkaan semasa mengenainya tidak ada, tetapi satu kajian tentang penggunaan ubat-ubat yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dalam tahun 1977 dan 1978 di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan telah menunjukkan bahawa 15% hingga 19% dari jumlah preskripsi yang diberi mempunyai berjenis "anomali":

- (i) Lebih kurang 7% dari preskripsi menunjukkan penggunaan 'polypharmacy' oleh doktor-doktor.
- (ii) Lebih kurang 2.3% mempunyai "medication

contra-indicated" (iaitu ubat-ubat yang diberi kepada pesakit-pesakit didapati tidak sesuai).

- (iii) Lebih kurang 1.5% mempunyai interaksi di antara ubat-ubat atau ketidaksesuaian ubat-ubat iaitu ubat-ubat yang dipreskripsi mempunyai interaksi di antara satu dengan lain yang mengakibatkan peningkatan keracunan (increase in toxicity) atau pengurangan kesan-kesan therapeutik ubat itu.
- (iv) Lebih kurang 0.2% dari preskripsi itu menunjukkan sukatan ubat yang berlebihan terutamanya dalam preskripsi kepada kanak-kanak.

Terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa di Malaysia, kes-kes ketahanan (resistance) terhadap ubat-ubat tertentu, terutamanya ubat-ubat antibiotik, telah meningkat; iaitu sesuatu jenis antibiotik itu tidak lagi berkesan untuk merawat pesakit-pesakit yang dijangkiti organisme-organisme yang telah mempunyai ketahanan terhadap jenis antibiotik itu. Kajian di negara lain menunjukkan bahawa ini adalah akibat dari penggunaan yang meluas dan kadang-kadang penggunaan sebarangan (indiscriminate use) ubat-ubat. Salah satu dari sebab utama ini terjadi ialah sekali lagi berpunca dari kurang kebiasaan di kalangan doktor-doktor akan sifat (nature) dan kesan (effect) ubat-ubat itu. Mungkin juga terdapat amalan dalam mana ubat jenis antibiotik "broad spectrum" digunakan untuk mendapatkan "kesan sembuh" yang serta merta (quick cure) tanpa diagnosa yang tepat.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki penggunaan ubat-ubat di kalangan

doktor-doktor diinstitusi-institusi di bawah jagaannya seperti berikut:

- (i) menubuhkan Pusat Penerangan ubat-ubatan di hospital-hospital yang besar;
- (ii) mengadakan penapisan ubat-ubat (prescription screening) di dalam farmasi-farmasinya;
- (iii) mengeluarkan senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan yang dikemaskinikan dari semasa ke semasa;
- (iv) merangka dan mengisytiharkan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik, 1984.

Saya ingin juga menekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah-masalah mengenai penggunaan ubat-ubat itu adalah tidak tertumpu di Malaysia sahaja malah boleh didapati dikebanyakan negara juga. Adalah diharapkan dengan terlancarnya kempen oleh FOMCA yang saya sebutkan tadi dan langkah-langkah lain yang dihuraikan tadi yang diambil oleh Kementerian akan memberi kesannya terhadap masalah ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ketidakberapa fahaman doktor mengenai ubat-ubatan ini, adalah Kementerian sedar bahawa terdapat ubat-ubat yang mengandungi terlalu banyak dadah di mana di setengah-setengah klinik menjadi tempat ulangan bagi pemuda-pemuda dan belia-belia mendapatkan ubat-ubat itu bagi menggantikan dadah yang mereka susah untuk memperolehi kerana sekatan pihak-pihak yang berkuasa dalam soal dadah.

**Dato' K. Pathmanaban:** Perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah di bawah kawalan Kerajaan pada masa ini dan dari masa ke semasa kita juga

mengharamkan beberapa jenis ubat-ubat yang boleh menjadi penggantian untuk dadah merbahaya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerianya mencadangkan untuk menjalankan kajian yang lebih menyeluruh termasuk ubat-ubat yang didapati secara 'over the counter'. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ubat-ubat yang didapati dengan begitu mudah 'over the counter' itu menyebabkan kekesanan buruk daripada preskripsi poly pharmacy dan adakah kaedah dan cara penguatkuasaannya lebih berkesan kerana pagi ini saya nampak sebahagian pesakit yang bejumpa dengan saya yang membawa ubat yang dibeli daripada kedai tanpa preskripsi, ubat-ubat yang bahaya, dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa di Hospital-hospital Awam kekurangan 25% jumlah doktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat semalam telah menyebabkan doktor yang terlalu sebuk untuk menambahkan pengetahuan sama ada mengenai ubat atau aspek perubatan yang lain, dan adakah Yang Berhormat akui bahawa kekurangan peluang yang sesuai untuk melanjutkan pelajaran perubatan boleh mewujudkan kekurangan kebiasaan dan adakah kaedah dan cara . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa banyakkah soalan itu? Banyak sangat soalnya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kerana jawapannya itu terlalu panjang dan memerlukan soalan yang panjang (*Ketawa*). Adakah cara dan kaedah untuk menentukan doktor-doktor yang masuk daripada negara-negara jiran yang mempunyai kebiasaan ubatannya?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, terlalu panjangnya soal dan saya harap dapat dimaafkan jika saya

terlupa sebahagian yang diminta itu. Memang benar terdapat berbagai jenis ubat 'over the counter' yang mungkin mempunyai kesan yang lebih teruk daripada apa yang diberi oleh doktor. Tetapi apa yang saya jawabkan adalah mengenai doktor. Perkara pengawalan ini adalah satu yang kita menjalankan dan usaha penguatkuasaan adalah satu yang kita sentiasa meneruskan. Jadi saya harap Yang Berhormat tadi dapat berhubung dengan saya atau Kementerian mengenai orang ramai yang sudah datang ke klinik beliau pada pagi ini dengan memberi tahu butir-butir yang tepat mengenai di mana belinya ubat itu dan contoh ubat yang dibelinya itu dan saya boleh memberi jaminan bahawa kita akan mengambil tindakan. Tiap-tiap bulan kita mengeluarkan angka-angka mengenai usaha penguatkuasaan kita. Saya rasa kita dapat juga mempertingkatkan usaha ini dalam masa-masa akan datang, dengan adanya peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi, peraturan yang baharu, iaitu Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, di mana semua ubat-ubatan di pasaran Malaysia akan didaftarkan dengan sebuah Lembaga Pendaftaran Ubat-ubatan.

Mengenai kekurangan doktor dan perkara ini menyebabkan mereka tidak mempunyai peluang untuk belajar lagi mengenai ubat-ubatan dan sebagainya, saya rasa Kementerian tidak dapat menerima alasan itu sebagai yang cukup atau menasabah untuk ubat-ubatan yang salah diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ban Hon Keong.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Ban Hon Keong Tidak hadir).

## GURU BIMBINGAN DI SEKOLAH

**6. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pelajaran

menyatakan bahawa memandangkan pada akhir-akhir ini kemerosotan disiplin di kalangan murid-murid sekolah terutama di sekolah-sekolah Menengah nampaknya makin membimbangkan. Peranan Guru-guru Panduan dan bimbingan amat diperlukan di setiap Sekolah Menengah. Adakah pihak Kementerian Pelajaran sedar akan hal ini. Dan sampai bilakah Guru-guru Panduan dan Bimbingan yang berkhidmat sepenuh masa ini dapat diadakan di setiap Sekolah Menengah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan ini sudah pun saya jawab pada 12-11-84 ketika saya menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman pada hari itu.

Untuk menjawab bahagian yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran memang menyedari peranan dan keperluan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah-sekolah. Oleh sebab itu seseorang Guru Bimbingan Kaunseling telah diperuntukkan di setiap sebuah sekolah menengah. Guru-guru ini masih belum dapat diberikan perkhidmatan sepenuh masa untuk bimbingan kaunseling kerana kekurangan guru-guru yang benar-benar terlatih dalam bidang ini. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, keadaan kewangan negara juga tidak membenarkan melatih lebih ramai lagi guru-guru berkenaan. Bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang mengatur rancangan supaya pelaksanaan sepenuhnya dapat dijalankan apabila keadaan kewangan negara mengizinkan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tadi Yang Berhormat telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan memang sedar tentang kekurangan guru-guru panduan atau guru-guru

kerjaya ini di sekolah-sekolah akan tetapi nampaknya Kementerian Pelajaran tidak menggalakkan supaya latihan guru-guru kerjaya ini ditambah. Jadi, saya ingin bertanya, pertama, kalau sekiranya dasar ini tidak ditimbang semula bagaimanakah cara dan kaedah yang lebih sempurna dapat dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi tentang kemerosotan disiplin di kalangan kanak-kanak di sekolah?

Soalan yang kedua, apakah kriteria bagi garis panduan yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam memilih guru-guru ini dan adakah guru-guru ini telah dibekalkan dengan buku-buku panduan selaras dengan bidang tugasnya?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa Kerajaan, Kementerian Pelajaran khususnya memang memandang berat terhadap perlunya guru-guru kaunseling ataupun bimbingan ini sebagaimana telah saya sebutkan tadi. Namun demikian, sebagaimana yang saya sebutkan juga bahawa oleh kerana kita tidak mencukupi jumlah guru yang mengajar bimbingan atau kaunseling ini ataupun mengambil bahagian dalam latihan ini, maka terpaksa kita menjalankan sesuatu dalam keadaan yang serba kekurangan. Namun demikian, kita memang menyedari hakikat bahawa salah satu daripada cara bagaimana untuk kita meninggikan disiplin anak-anak kita di sekolah-sekolah ialah untuk membanyakkan guru kaunseling atau bimbingan ini. Perlu juga saya jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa disiplin anak-anak kita di sekolah-sekolah bukanlah hanya tanggungjawab guru-guru disiplin atau guru-guru kaunseling ataupun guru-guru bimbingan ataupun pihak sekolah sahaja, yang perlu ialah kerjasama daripada ahli-ahli

masyarakat, ibu-bapa dan sebagainya termasuk juga Ahli Yang Berhormat. Jadi, oleh itu usaha pihak Kerajaan khususnya pihak Kementerian Pelajaran berharap akan kerjasama daripada seluruh rakyat, seluruh masyarakat supaya disiplin anak-anak kita di sekolah bukan hanya diserahkan kepada pihak sekolah semata-mata tetapi adalah tanggungjawab seluruh rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tiadalah boleh menyebutkan mengenai kriteria guru-guru yang akan diambil untuk mengajar kelas bimbingan ataupun kaunseling ini. Namun demikian, saya mohon notis dan insya Allah kalau ada notis saya boleh beri tahu kepada Yang Berhormat.

#### **KEMPEN MEMBELI KELUARAN TEMPATAN**

**7. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan usaha Kerajaan untuk menggalakkan orang ramai memberi keluaran-keluaran yang dibuat dalam Malaysia, apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil bagi menentukan bahawa pembuat-pembuat atau pengilang-pengilang akan terpaksa bertanding pada taraf yang sama dengan pengilang-pengilang di luar negeri dengan mengeluarkan keluaran-keluaran yang bermutu tinggi untuk menyempurnakan kehendak-kehendak orang ramai dan apakah kempen-kempen yang sedang dijalankan oleh Kementerian.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang menyediakan program untuk melaksanakan kempen membeli keluaran tempatan untuk dilancarkan pada awal tahun 1985. Sektor swasta

khususnya para pengilang akan mengambil peranan utama untuk menjayakan kempen ini.

Adalah sukar untuk memastikan keluaran tempatan bertanding pada taraf yang sama dengan barang import. Pertandingan yang tidak seimbang terutamanya dari segi harga seringkali berlaku kerana wujudnya amalan-amalan, dengan izin, "marginal costing" dan "transfer pricing" serta lambakan oleh perusahaan-perusahaan dari luar negeri. Amalan-amalan ini sukar untuk diawasi dan jika dibiarkan boleh menjejaskan prestasi sektor perkilangan tempatan. Untuk mengatasinya Kerajaan akan meneruskan pemberian perlindungan tarif kepada mana-mana keluaran yang layak setelah dijalankan kajian yang teliti.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi mutu pula, para pengilang tempatan akan digesa supaya menyertai Skim Persijilan SIRIM dengan mematuhi Piawaian Malaysia atau menepati mana-mana Piawaian Antarabangsa yang diiktiraf. Di samping itu para pengguna haruslah juga mengutamakan pembelian barang-barang tempatan yang mempunyai Tanda Pengesahan Piawaian Malaysia sebagai satu tekanan kepada pengilang yang tidak mengambil berat tentang mutu keluaran mereka.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi ada menyebutkan bahawa memang pihak Kementerian mengawasi tentang barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan terutama sekali dari segi mutu, dengan mengadakan SIRIM dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini masih banyak barang-barang tiruan yang juga dapat diletakkan tanda

SIRIM dan sebagainya tetapi itu merupakan suatu penipuan kepada pengguna-pengguna. Ini telah dapat dibuktikan dalam ucapan malam tadi di mana pertandingan berkenaan dengan itu telah didengar oleh Timbalan Menteri itu sendiri di mana yang mengeluarkan hujah-hujah itu telah mendapat Johan. Ini menunjukkan bahawa kebenaran perkara itu berlaku. Jadi apakah tindakan Kerajaan terhadap perkara ini supaya pengguna-pengguna ataupun rakyat tidak teraniaya oleh keadaan pengilang-pengilang atau peniaga-peniaga semata-mata mengirakan keuntungan tanpa memperhitungkan tentang kebaikan pengguna-pengguna.

**Tuan Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar ada banyak kilang-kilang tempatan yang tidak ikut syarat piawaian, tetapi Kementerian saya ada satu Enforcement Unit. Walau bagaimanapun, tindakan akan diambil kepada sektor-sektor di masa hadapan.

#### RUMAH KOS RENDAH— HARGA

**8. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk mentakrif sama ada sesebuah rumah dikelaskan sebagai rumah murah kerana terdapat rumah yang jumlah biliknya sama tetapi harganya jauh berbeza dari satu tempat dengan satu tempat yang lain.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah pun membuat ketetapan bahawa sesebuah rumah murah ataupun rumah kos rendah mestilah berharga tidak

melebihi \$25,000 seunit, mempunyai keluasan lantai di antara 46 hingga 56 meter persegi ataupun 500 hingga 600 kaki persegi, mengandungi dua atau tiga bilik tidur, sebuah bilik rehat atau bilik tamu, satu ruang dapur dan sebuah bilik mandi atau bilik tandas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di antara Faktor-faktor yang mempengaruhi harga rumah kos rendah ialah kos penyediaan, kemudahan infrastruktur yang berbeza-beza mengikut negeri dan lokasi, kos tanah yang juga tidak sama di antara satu tempat dengan tempat yang lain, berikutan dari perbezaan kos pengangkutan dan juga upah tenaga buruh yang tidak semestinya sama di antara sesuatu tempat dengan tempat yang lain. Semua kos tersebut ini hendaklah diambil kira dalam menentukan harga rumah kos rendah yang tidak dipengaruhi hanya dengan bilangan bilik sahaja.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau menyatakan bahawa \$25,000 adalah merupakan harga bagi satu unit rumah murah. Jadi saya ingin tahu sejak bilakah angka ini digunakan dan sama ada beliau ingin mengekalkan angka ini tanpa mengira kenaikan harga barang-barang?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya selama saya di Kementerian itulah harga rumah \$25,000 seunit bagi rumah kos rendah. Kerajaan, rasa saya tidaklah, pada setakat ini, belum lagi ada rancangan untuk menukarkan harga ini, menaikkan ataupun menurunkan harga ini kerana pada pendapat kami ada rumah yang boleh dibuat dengan harga bawah daripada \$25,000 ini. Misalnya, di negeri Johor ditetapkan rumah murah harganya \$22,000.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah hampir serupa dengan soalan yang tadi. Walau bagaimanapun saya suka hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan penakrifan rumah kos rendah ini berdasarkan kepada harga \$25,000. Adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa penakrifan yang macam ini mempunyai kesan terhadap standard rumah-rumah oleh kerana harga barang-barang binaan dan juga kemudahan infrastruktur sentiasa meningkat. Kalaulah kos ini meningkat, rumah-rumah murah akhirnya akan menjadi sub-standard kerana terpaksa diperkecilkan pelannya dan juga penggunaan bahan-bahan yang lebih murah. Jadi, bolehkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya sungguh-sungguh mengkaji faktor itu supaya masalah rumah kos rendah yang akan semakin merosot standard dan mutunya akan dapat diatasi?

**Puan Napsiah binti Omar:** Terima kasih, kami di Kementerian akan mengkajinya.

## CETAKAN AL-QURAN

**9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa cetakan Quranulkarim bukan sahaja dibuat di negara-negara Islam bahkan di negara-negara bukan Islam seperti Jerman, maka apakah langkah-langkah penapisan untuk melindungi dari kemasukan ke negara kita Quran-quran yang salah cetakannya, adakah Kerajaan telah atau akan menempatkan orang-orang yang hafaz Quran supaya ditugaskan bersama-sama pihak kastam untuk memeriksa Kemasukan Quran-quran dan kitab-kitab serta buku-buku agama ke negara ini, ataupun apakah cara-cara yang telah dijalankan selama ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang adanya Al-Quran dicetak di negara-negara yang bukan Islam termasuklah negara Jerman. Untuk menjaga dan memelihara kesucian Al-Quran, Kerajaan memastikan bahawa Al-Quran yang hendak dicetak dan juga yang dibawa masuk ke negara ini ditapis terlebih dahulu oleh Unit Penapisan di Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri. Di Pusat Penyelidikan itu Quran akan ditapis oleh beberapa orang yang menghafaz Al-Quran.

Untuk langkah selanjutnya, satu persetujuan telah pun tercapai dalam mesyuarat yang ke 26 Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri pada bulan Ogos yang lalu untuk menubuhkan satu Jawatankuasa mentafsir Al-Quran yang dianggotai oleh pakar-pakar yang menghafaz Al-Quran bagi mengawal dan memelihara kesucian Al-Quran.

Selain daripada menapis Al-Quran, Unit Penapisan Pusat Penyelidikan Islam juga membuat tapisan bagi bahan-bahan agama dan lain-lain terbitan agama yang diedarkan di negara ini. Dalam menjalankan tugas-tugas menapis bahan-bahan agama, Unit Penapisan ini akan bekerjasama dengan Cawangan Khas Polis Di-Raja Malaysia dan Bahagian Terbitan, Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan sebuah unit menapis di Pusat Islam bagi menapis Quran dan juga kitab-kitab Islam supaya ianya tidak dipesongkan oleh pihak-pihak yang cuba mengkhianati kesucian Islam. Saya ingin tahu adakah unit-unit yang ditubuhkan ini mempunyai

kemampuan yang cukup di dalam menjalankan bidang tugas seperti mana dikehendaki oleh negara.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kemampuan dalam menapis bahan-bahan yang berkaitan dengan agama tidak akan tamat kerana ia memerlukan kemampuan yang akan bertambah dari masa ke semasa memandangkan kepada pertambahan dan perkembangan ilmu yang makin sophisticated. walau bagaimanapun, beberapa skim latihan bagi pegawai-pegawai yang berkenaan sedang dirancangan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu adanya unit-unit penapisan untuk mengesan Quran ataupun kitab-kitab agama, maka ingin saya tahu unit penapisan ini cara melaksanakan penapisan ini adakah sesudah kitab-kitab itu atau Quran masuk berada dalam negara ini selepas itu baru ditapis ataupun ditapis di pengkalan-pengkalan iaitu seperti di sempadan-sempadan dengan ditempatkan orang bijak pandai penghafaz-penghafaz Quran di Kastam ataupun sesudah barang itu disebar dalam negara baru ditapis.

**Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua cara itu digunakan. Di peringkat unit penapisan ini setiap mereka yang diberi tanggungjawab, mereka bertanggungjawab untuk mengikuti perkembangan perkembangan dalam berbagai-bagai aspek ilmu, khususnya dalam bidang agama. Mereka biasanya dapat mengecam kemungkinan buku-buku yang boleh menyebar perkara-perkara yang akan membawa implikasi kepada masyarakat Islam di Malaysia. Selain

daripada itu unit ini juga bergantung kepada aduan-aduan orang ramai sama ada dalam negara ini ataupun yang ditimbulkan oleh masyarakat Islam di luar negeri. Kedua-dua channel ini digunakan dan kalau sekiranya terdapat bahan-bahan yang dikatakan perlu dikaji menerusi dua cara tersebut maka setiap buku yang masuk ke negara ini akan dicamkan oleh pihak yang terlibat iaitu Kastam dan kita akan mengadakan usaha-usaha ke arah mengatasinya.

### BAHASA MALAYSIA— PENGGUNAAN

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan supaya penggunaan Bahasa Malaysia oleh beberapa kalangan swasta dan syarikat-syarikat asing dalam negara dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih berkesan dalam bidang-bidang urusaniaga dan lain-lain. Adakah ditetapkan jangka waktu yang tertentu bagi pelaksanaan usaha-usaha itu.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui agensi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta pihak-pihak berkuasa tempatan dan negeri sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam urusan-urusan tertentu di kalangan sektor swasta, khususnya di kalangan syarikat perniagaan dalam negeri dan juga syarikat-syarikat asing. Pihak yang bertanggungjawab sentiasa berusaha membantu pihak swasta menggunakan bahasa Malaysia dalam urusan-urusan mereka. Misalnya, Dewan Bahasa memberi khidmat nasihat bahasa secara percuma kepada sektor swasta dan orang ramai. Kerajaan memang sedar bahawa pengluasan penggunaan bahasa

Malaysia di sektor swasta tidak dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan kerana belum ada peruntukan undang-undang yang menyeluruh untuk berbuat demikian. Oleh itu, Kerajaan tidak menetapkan jangka waktu tertentu bagi melaksanakan penggunaan bahasa Kebangsaan sepenuhnya di kalangan sektor swasta. Walau bagaimanapun, semua pihak terutama pihak swasta perlu menyedari bahawa Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan yang sewajarnya digunakan dalam semua urusan mereka dalam negara ini.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:**

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak hari ini seolah-olah dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan ini, kita kembali 10 atau 20 tahun kebelakang kerana sekarang nampaknya setelah banyak pihak-pihak swasta mendirikan berbagai macam firma, Bahasa Kebangsaan mula diabaikan kembali, lebih-lebih lagi seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kita tidak mempunyai undang-undang untuk bertindak terhadap pihak-pihak swasta atau pihak-pihak yang tertentu yang tidak mengguna dan tidak mengamalkan Bahasa Kebangsaan. Saya ingin bertanya adakah Kerajaan bercadang:

- (1) mengadakan satu peruntukan undang-undang bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang mengabaikan penggunaan Bahasa Kebangsaan; dan
- (2) adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula Bulan Bahasa seperti yang pernah diadakan pada satu ketika dahulu.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sama ada Kerajaan hendak mengadakan

peruntukan undang-undang untuk dikenakan kepada sektor swasta bagi penggunaan bahasa Malaysia, ini bolehlah kita fikirkan. Tetapi saya ingin mengingatkan bahawa seperti yang saya katakan di peringkat Kerajaan tempatan dan di peringkat negeri, sebenarnya Kerajaan Tempatan dan Negeri boleh mengeluarkan undang-undang tersendiri mengenai kegunaan bahasa Malaysia. Dari segi soalan yang akhir sama ada kita hendak mewujudkan semula bulan bahasa seperti dahulu, ini bolehlah kita fikirkan, tetapi kita anggarakan setelah begitu lama kita menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan keseluruhannya, kesan kegunaannya sudahpun memuaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Koh Tsu Koon.

*(Soalan No. 11 Y.B. Dr Koh Tsu Koon tidak hadir)*

## HARGA BUAH BUAHAN

**12. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat**

minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tingginya harga buah-buahan dalam negeri ini berbanding dengan harga buah-buahan di negara jiran (Thailand) dan mutunya juga lebih baik dari mutu buah-buahan di negeri ini menandakan kegagalan rancangan pertanian negara ini dalam usaha mempelbagaikan jenis tanaman di negara ini, dan jika ya, apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi kegagalan tersebut supaya banjir buah-buahan dari Thailand dapat diatasi dengan meningkatkan mutu dan jumlah pengeluaran dalam negara ini di samping menambah pendapatan petani-petani luar bandar yang miskin.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada beberapa jenis buah-buahan yang diimport dari Thailand

yang mutunya lebih baik dari yang dikeluarkan di negara ini kerana faktor-faktor iklim dan keadaan tanah. Namun terdapat juga beberapa jenis buah-buahan keluaran tempatan seperti durian dan rambutan yang mutunya setanding, kalau tidakpun lebih baik dari buah-buahan yang dibawa masuk dari Thailand. Harga buah-buahan tertentu yang dibawa masuk dari Thailand juga tidaklah begitu berbeza dari harga buah-buahan yang sama keluaran tempatan. Ingin dinyatakan di sini bahawa ketinggian harga buah-buahan tidak bermakna negara kita telah gagal dalam rancangan pertanian, bahkan negara kita diakui dunia sebagai pengeluar hasil getah, kelapa sawit, koko dan kelapa yang bermutu tinggi. Bagi buah-buahan langkah-langkah positif telah diambil untuk memesatkan lagi pembangunan industri buah-buahan melalui skim galakan buah-buahan, perladangan secara berkelompok dan sebagainya.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Soalan tambahan. Ahli-ahli Kaji Pertanian biasanya dikirimkan ke Philipina untuk membuat kajian pertanian sedangkan tanah-tanah Malaysia lebih kurang sahaja dengan tanah-tanah di Thailand dan begitu juga suasananya. Soalnya, adakah ahli-ahli kaji pernah dikirim secara besar-besaran ke Thailand memandangkan keadaan iklim dan suasana udara dan sebagainya supaya kedudukan hasil mahsul pertanian di sini tidak begitu sangat jauh bezanya dengan apa yang ada sekarang.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada.

#### UNIVERSITI TEMPATAN— MENAMBAHKAN BILANGAN TEMPAT

**13. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan

apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini untuk menambah ruang tempat dan kemudahan belajar di universiti-universiti negara kita di samping membina universiti keenam memandangkan tempat belajar yang disediakan oleh universiti-universiti tempatan dan luar negeri terhad dan juga kenaikan belanja pelajaran seberang laut. Adakah terdapat apa-apa rancangan tertentu untuk membina lebih banyak universiti bagi menampung pelajar-pelajar kita dan membantu menyelamatkan pertukaran asing dalam pelajaran tinggi.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk menambahkan bilangan tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan belajar di universiti-universiti di negara kita ini. Selain daripada membina Universiti Utara Malaysia, Kementeraan Pelajaran juga merancang membesarkan kampus-kampus universiti yang ada dan membina kampus-kampus cawangan yang baru. Kementerian Pelajaran juga pada ketika ini belum bercadang hendak menambahkan lagi bilangan universiti yang ada di negara ini kerana keadaan ekonomi negara masih belum mengizinkan. Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran juga terpaksa menyalurkan peruntukan serta memberi perhatian kepada pelajaran peringkat rendah dan menengah.

#### POLARISASI KAUM

**14. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan ukuran-ukuran yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi polarisasi yang wujud di antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera di negara ini dan sama ada Kerajaan

sedar yang sebab utama berlakunya polarisasi ini adalah dari polisi dan tindakan Kerajaan membahagikan dasar-dasar sosial ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan agama.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini juga telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri semasa beliau menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 8hb Oktober, 1984 dan saya tidak bercadang menambah kepada jawapan itu.

### POLARISASI KAUM

**15. Tuan Seow Hum Khim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebab utama yang mengakibatkan ujudnya polarisasi kaum di negara kita dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil untuk mengatasi gejala buruk ini dan sama ada beliau bersetuju pengenalan kaum di bidang ekonomi dan sistem quota pengambilan masuk penuntut di universiti tempatan mengikut kaum adalah merupakan salah satu sebab utama ujudnya polarisasi kaum di negeri kita.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini juga telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri seperti yang saya katakan tadi dan saya tidak ada penambahan kepada jawapan itu.

### DASAR PANDANG KE TIMUR— PENDIRIAN KERAJAAN

**16. Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian Kerajaan sekarang mengenai Dasar Pandang ke Timur.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, pendirian mengenai Dasar Pandang ke Timur tidak berubah dan Malaysia juga tidak bermaksud untuk mengeneppikan dasar itu dalam usaha mempertingkatkan kemajuan dan perkembangan negara yang mana Kerajaan telah menjadikan negara-negara Timur yang pesat maju untuk diambil beberapa contoh. Perkara-perkara yang patut dicontohi ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara, keutamaan kepada kepentingan kumpulan dan tidak diri sendiri, penekanan kepada daya pengeluaran dan mutu pengeluaran yang tinggi, peningkatan kecekapan dan pengurangan jurang perbezaan antara eksekutif dan pekerja, penggunaan sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan lain-lain sifat yang baik yang boleh menyumbang kepada kemajuan negara.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan untuk memandang ke Timur adakah Kerajaan sedar bahawa salah sebuah negara yang Kerajaan tuju iaitu negara Jepun seolah-olah untuk mempermain-mainkan Kerajaan Malaysia terutamanya dalam hal transfer of technology. Contohnya, penubuhan satu syarikat usaha sama di Pulau Langkawi mengeluarkan glaze tiles yang dikeluarkan di Langkawi. Pihak Jepun telah melambakkan tilesnya di negeri Thai dan Singapura malahan lebih murah harganya dibandingkan dengan syarikat usaha sama ini.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jika hendak membincangkan ataupun untuk saya menjawab sama ada Kerajaan Jepun ini mempermain-mainkan dari segi transfer of technology ini agak panjang. Tetapi mengambil contoh yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak

menggambarkan bahawa ini merupakan satu daripada sudut transfer of technology diperingkat tinggi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada sikap Perdana Menteri yang baru-baru ini mengecam Jepun kerana tidak memperseimbangkan keuntungan di atas Dasar Pandang ke Timur. dan dalam perjumpaan baru-baru ini di antara Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Jepun Nakasone, Perdana Menteri Nakasone telah mengaku untuk mengkaji supaya memperseimbangkan perkara ini. saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan sejauh ini ataupun selama ini, apakah Kerajaan Jepun ataupun pihak yang kita berunding untuk menjalankan usaha sama untuk memajukan negara ini pihak mereka langsung tidak menimbangkan tentang keuntungan kepada negara kita sebaliknya menguntungkan kepada negara Jepun sahaja.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita selalu mengemukakan masalah perbezaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kita cuba mengatasinya termasuklah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi dalam perbincangan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Jepun.

Setengah daripada punca masalah ialah oleh kerana kita mengeksport sejumlah besarnya bahan-bahan komoditi dan kita membeli bahan-bahan yang menggunakan teknologi tinggi yang berharga mahal. Dan ini satu daripada punca yang melibatkan begitu banyak perbezaan di antara jumlah harga barangan yang kita jual dengan barangan yang kita beli. Kita sentiasa sedar dan seperti yang saya katakan tadi melalui perundingan kita harap perkara ini akan dapat diatasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 11 dan 17 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

### MEMBIAYAI KOS PELAJARAN PELAJAR

**5. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah perbelanjaan secara langsung dan tidak langsung yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan untuk pengasuhan seorang pelajar dari kelas tadika sehingga tamat universiti.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Berdasarkan perbelanjaan tahun 1983, kos secara langsung dan tidak langsung yang ditanggung oleh Kementerian Pelajaran untuk membiayai pelajaran seorang pelajar dari Darjah Satu hingga tamat universiti ialah \$49,408.00.

### KILANG ASIAN RARE EARTH SDN. BHD.

**11. Dr Koh Tsu Koon** minta Perdana Menteri bilakah permit dikeluarkan kepada Asian Rare Earth Sdn. Bhd. buat kali pertamanya bagi memproses monazite. Sejak bilakah Rare Earth Chlorides telah dikeluarkan oleh kilang tersebut, berapa banyakkah bahan-bahan buangan radioaktif telah dikeluarkan sebulan; bagaimanakah bahan-bahan buangan ini dibuang atau disimpan; apakah langkah-langkah untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja. Bagaimanakah Kerajaan sedang mengawasi keadaan itu.

**17. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan sistem pembuangan

sisa nuklear di Papan masih belum diselesaikan:

- (a) apakah penyusunan pembuangan pada ketika ini telah pun dibuat oleh pihak Kilang Asian Rare Earth Sdn. Bhd. di hadapan Kampong Baru Bukit Merah untuk membuang sisa nuklear yang dikeluarkan akibat perusahaan-perusahaannya kini dan sama ada pembuangan sedemikian ini telah pun diluluskan oleh kementerianianya.
- (b) jika sekiranya pembuangan nuklear pada ketika ini oleh pihak kilang Asian Rare Earth Sdn. Bhd. tidak memuaskan dan merbahaya kepada kesihatan bagi kedua-dua pihak pekerja dan penduduk Kampong Baru itu, apakah langkah-langkah telah pun diambil untuk menyelesaikan masalahnya dengan serta merta; dan
- (c) bolehkah Menteri menerangkan sama ada Kementeriananya memerlukan kilang-kilang yang mengeluarkan sisa nuklear untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka bagi pembuangan sisa nuklear untuk kelulusan terlebih dahulu sebelum kilang-kilang seperti ini dibenarkan berusaha dan sama ada kelulusan permulaan ini telah diberikan kepada kilang Asian Rare Earth Sdn. Bhd.

**Dato Mohamad Khalil bin Yaakob:**  
 Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ahli dari Ipoh dan Yang Berhormat Ahli dari Tanjung sekaligus memandangkan kedua-dua pertanyaan itu tertumpu kepada bahan buangan radioaktif oleh Kilang Asian Rare Earth Sdn. Bhd.

Syarikat Asian Rare Earth Sdn. Bhd. (ARE) diberi taraf perintis pada 29-5-1980. Setakat ini lesen/perrnit bagi memproses monazite bagi mengeluarkan sebatian rare earth belum diberi oleh Kerajaan. Pada ketika ini belum ada penyusunan pembuangan di buat oleh ARE untuk membuang sisa nuklear. Lesen pemerosesan akan dikeluarkan hanya setelah masalah penyimpanan sisa radioaktif dapat diatasi. Semua cadangan bagi pembuangan sisa nuklear perlu mendapat kelulusan Kerajaan terlebih dahulu. Setakat ini kebenaran sedemikian belum lagi diberi oleh Kerajaan.

Pada masa ini kebenaran yang telah diberi kepada Syarikat Asian Rare Earth hanyalah untuk membina loji memproses monazite dan menjalankan ujian pemerosesan (trial runs) sahaja. Ujian pemerosesan itu telah menghasilkan lebih kurang 300 tan sisa radioaktif paras rendah. Sisa-sisa tersebut disimpan dan ditempatkan di kawasan Syarikat Asia Rare Earth Sdn Bhd. Untuk memastikan keselamatan pekerja-pekerja dan penduduk berhampiran Kerajaan telah mengambil langkah di bawah penguatkuasaan Akta Bahan-bahan Radioaktif 1968 menjalankan program pengawasan paras sinaran dan cecairan (Radiation and Contamination Level) dan mengawasi kadar dedahan sinaran (radiation level).

#### FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW—EDARAN

**18. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan untuk berapa lamakah Kerajaan bercadang mendera majalan Far Eastern Economic Review kerana liputan yang dibuatnya semasa krisis Perlembagaan dengan menahan pengedaran majalah FEER itu selama sebulan bagi setiap keluaran dan sama ada tektik-tektik

“arm twisting” seumpama itu adalah bertentangan dengan janji Kerajaan untuk menghormati kebebasan akhbar.

**Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Kerajaan tidak pernah mendera majalah Far eastern Economic Review seperti yang didakwa oleh Y.B. dari Kota Melaka tersebut. Walau bagaimanapun seperti yang dikehendaki oleh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 semua penerbitan-penerbitan asing yang diimport akan ditahan untuk dikaji terlebih dahulu sebelum dibenarkan dibawa masuk dan diedarkan di negara ini. Ini adalah bertujuan untuk memastikan penerbitan-penerbitan asing tersebut termasuklah majalah Far Eastern Economic Review ini tidak menyiarkan hasil penerbitan yang tidak diingini termasuklah laporan-laporan atau rencana-rencana yang memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan baik-baik di antara Malaysia dengan mana-mana negara asing atau berlawanan dengan mana-mana undang-undang.

Memandangkan majalah Far Eastern Economic Review ini pernah menyiarkan laporan-laporan yang tidak tepat dan menyeleweng maka kajian yang lebih teliti terpaksa dibuat ke atas setiap isu majalah ini.

#### **BOT AMBULAN “SEDIA BANTU”—PEMBELIAN**

**19. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menerangkan sebab bot ambulan “Sedia Bantu” yang telah dibeli dengan wang sebanyak \$600,000 dibiarkan begitu sahaja tanpa penggunaan; mengapakah begitu banyak wang digunakan untuk membeli suatu bot yang rosak setelah penggunaan selama sebulan sahaja dan tidak pernah memberi apa faedah kepada seorang penduduk yang

berkenaan pun dan adakah Kementerian beliau bercadang membiarkan terus menelan perbelanjaan besar untuk kos pembinaan dan pembaikan. Adakah siasatan dilaksanakan mengenai perkara ini; jika ia, apakah siasatan itu dan apakah hasil siasatan tersebut? Jika tidak, mengapa.

**Dato' K. Pathmanaban:** Bot “Sedia bantu” ialah salah satu dari 3 bot yang telah dibeli dari Limbungan Timur Sendirian Berhad Kuala Terengganu dalam tahun 1980 dengan perbelanjaan sebanyak \$537,000 termasuk semua pemasangan alat kelengkapan dan 2 jentera (enjin) dipasang di tiap-tiap bot.

Bot-bot itu ditempatkan di Pelabohan Kelang, Selangor, di Pulau Pangkor, Perak dan di Pulau Langkawi, Kedah.

Bot Ambulan—“Sedia Bantu” telah ditauliahkan pada 13-10-1981 dan ia berfungsi sehingga 2-2-1982 apabila batang kipasnya (propeller shaft) patah dan memerlukan pembaikan. Ia telah dibaiki dan kemudian kipasnya (propeller) pula patah kerana air surut di Pulau Ketam. Ianya juga telah diperbaiki tetapi malangnya pada 25-3-1983, bingkai jentera Engine mounting) pecah dan sehingga hari ini, bot ambulan berkenaan tidak berfungsi, walaupun sejumlah wang telah dibelanjakan untuk membaikinya. Spesifikasi untuk bot ini telah dikelolakan oleh Perbendaharaan dengan kerjasama Jabatan Merin dan Kementerian Kesihatan (Bahagian Perancang dan Pembangunan). Nampaknya, di antara kerumitan yang dihadapi, ialah bot-bot tersebut terlalu besar dan kakitangan yang diperlukan susah didapati. Untuk mengatasi perkara ini, Kementerian sedang berusaha mencari jalan yang lebih sesuai dari segi pengurangan perbelanjaan

menyelenggara bot-bot ini dan ketetapan akan diperolehi selepas kajian tersebut siap kelak.

### GAMBAR AYATOLLAH KHOMENI

**20. Tuan Abdillah bin Haji Abd. Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah keputusan dan tindakan Kerajaan berkenaan orang-orang yang bertanggungjawab mempamerkan gambar Ayatollah Khomeni. Apakah tujuan utama mereka berbuat demikian.

**Dato Musa Hitam:** Kejayaan Revolusi Islam di Iran telah mempengaruhi segelintir rakyat Malaysia. dalam hubungan ini, mereka yang ghairah dengan Revolusi itu telah cuba mencotohinya untuk menegakkan Kerajaan yang sama seperti di Iran. Kesan-kesannya amat ketara dengan adanya beberapa seminar dan pameran yang mempamerkan kejayaan revolusi itu.

Pihak Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap kegiatan-kegiatan mereka ini dan tindakan akan diambil jika didapati kegiatan mereka itu akan menjejaskan keselamatan dalam negeri.

### PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI PASIR PUTEH

3.34 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi Penerangan Sendiri di bawah Peraturan Mesyuarat 25 berbangkit dari ucapan saya pada 24hb Julai, 1984 yang lalu yang telah menjadi isu terhadap orang-orang India dalam negeri ini akibat dari salah faham ataupun tidak mahu faham atas

maksud sebenar ucapan saya itu, kerana apa yang saya telah menyatakan dalam Dewan pada hari itu adalah jelas sekali menunjukkan saya tidak mempunyai apa-apa niat atau terniat di hati saya untuk menghina mana-mana kaum dalam negeri ini.

Apa yang telah berlaku ialah ucapan saya itu telah diputar-belitkan oleh orang tertentu dengan mengambil sekerat-sekerat dari ucapan saya itu dan dibesar-besarkan di dalam Dewan ini, ditimbul beberapa kali sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ataupun kepada akhbar-akhbar dengan tujuan yang tidak sebenar. Pada hal saya telah menyebut sekali sahaja dalam Dewan ini dengan tujuan yang baik dan juga perbandingan. Tetapi telah disebut dan diulang beberapa kali di dalam Dewan ini bagi maksud untuk mengeksploitasikan benda ini.

Jadi, siapakah yang sebenarnya menghina dan mengeksploitkan isu itu. Jika ucapan saya diambil pada keseluruhannya maka salah faham yang akan dijadikan isu itu tidak akan timbul lagi.

Saya tidak akan menyebut peribahasa itu lagi dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan kerana mematuhi dan menghormati ruling yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua pada hari yang sama, takut-takut akan timbul salah faham yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang termaklum kaum-kaum di negara ini mempunyai banyak peribahasanya masing-masing. Adakalanya peribahasa itu mengambil lain-lain kaum sebagai contoh dan tauladan. Umpamanya, "menjual jarum kepada China kelentong" atau "seperti Belanda minta tanah" atau "Janji Melayu" dan banyak lagi yang saya boleh sebut tetapi saya tidak mahu

sebut dan berbagai-bagai lagi. Dan di dalam peribahasa China pun ada perkataan "kue" digunakan dengan sewenang-wenangnya terhadap kaum lain. Tetapi bukanlah tujuan mereka itu menggunakan peribahasa seumpama ini untuk menyakitkan hati mana-mana kaum dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya siapa yang membaca ucapan saya dalam *Penyata Rasmi* mesyuarat Dewan pada 24hb Julai, 1984 yang lalu akan memahami maksud saya yang sebenarnya yang tidak sekali-kali terlintas dan terniat untuk menghina kaum India dalam negeri ini, oleh kerana kata-kata saya itu sebagai satu peribahasa maka ianya akan hidup sebagai satu peribahasa dan ianya bukanlah rekaan saya semata-mata. Saya menggunakannya tanpa niat dan jauh dari maksud menghina mana-mana kaum.

Oleh itu saya berharap pihak yang tersinggung jangan terasa kecil hati atau mengambil tindakan yang melulu, tetapi kalau ini telah menyinggung rakan-rakan saya orang India serta boleh meretakkan hubungan perpaduan di dalam Barisan Nasional dan juga hubungan rakyat jelata terutamanya MIC, jika perlu saya meminta maaf saya boleh meminta maaf, tetapi tidak kepada orang tertentu yang tidak faham dan tidak mahu memahami ucapan saya. Sekian terima kasih (*Tepuk*).

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1985

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada

Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1983 DAN 1984)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1983 dan 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERHUTANAN NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.43 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pentadbiran, pengurusan dan pemeliharaan hutan dan pembangunan perhutanan dalam negeri-negeri di Malaysia dan bagi maksud-maksud yang berkaitan "dibacakan kali yang kedua".

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor perhutanan negara

memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan kepada pendapatan eksport negara dan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Pendapatan eksport yang berjumlah \$4.6 billion dalam tahun 1983 merupakan 13.5% daripada jumlah pendapatan eksport negara dan ini meletakkan hasil kayu-kayuan ditempat pertama (kecuali dalam petroleum) dalam memberi sumbangan kepada pendapatan eksport negara dalam tahun tersebut. Di samping memberi sumbangan kepada pendapatan eksport negara sektor perhutanan adalah juga memberi peluang pekerjaan kepada rakyat, dan industri kayu-kayuan adalah merupakan sebahagian daripada proses pembangunan industri di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perhutanan negara terutama sekali di Semenanjung Malaysia telah mengalami kadar pembangunan yang pesat semenjak awal tahun 1960an. Dalam tahun 1960, luas kawasan yang dibalok berjumlah 22,000 hektar, mengeluarkan 2.2 juta meter padu balok dan diproses oleh 397 kilang papan dan 4 kilang papan lapis. Nilai eksport balok dan kayu gergaji yang diperolehi pada tahun tersebut berjumlah \$55.3 juta yang mana sepuluh tahun kemudian iaitu dalam tahun 1970, luas kawasan yang dibalok meningkat kepada 60,000 hektar, mengeluarkan 6.5 juta meter padu balok, diproses oleh 448 kilang papan dan 20 kilang papan lapis. Nilai eksport balok, kayu gergaji dan papan lapis masing-masing berjumlah \$99 juta, \$150 juta dan \$44 juta, menjadikan pendapatan eksport pada tahun tersebut ialah \$293 juta.

Dalam tahun 1980, luas kawasan yang dibalok ialah 243,000 hektar, mengeluarkan 10.4 juta meter padu balok. Bilangan kilang papan telah meningkat kepada 633 dan kilang papan lapis meningkat kepada 37.

Nilai eksport balok berjumlah \$23 juta iaitu satu pengurangan sebanyak \$76 juta berbanding dengan nilai sebanyak \$99 juta pada tahun 1970. Ini adalah kerana mulai tahun 1972 Kerajaan telah mula mengharamkan eksport beberapa jenis kayu balok popular dari Semenanjung Malaysia untuk menentukan balok-balok itu diproses dalam negeri sebelum dieksportkan. Walau bagaimanapun, nilai eksport kayu gergaji dan papan lapis masing-masing telah meningkat kepada \$1 billion dan \$207 juta berbanding dengan nilai yang berjumlah \$150 juta bagi kayu gergaji dan \$44 juta bagi papan lapis dalam tahun 1970. Jumlah pekerjaan yang diwujudkan dalam tahun 1980 ialah 50,000 berbanding dengan 24,000 dalam tahun 1970 dan 11,000 dalam tahun 1960. Pembangunan yang begitu pesat ini adalah berpunca dari permintaan luar negeri yang kian bertambah ke atas hasil kayu-kayuan negara. Bagi memenuhi keperluan ini, negara terpaksa membuka hutan yang luas untuk pembalakan.

Kadar pembalakan yang begitu pesat telah menampakkan bahawa dalam tahun 1972, 1973 dan 1976 kadar pembalakan tahunan telah melebihi 1 juta ekar atau 400,000 hektar. Pembukaan hutan yang luas untuk pembalakan bagi memenuhi permintaan pasaran luar negeri ke atas hasil kayu-kayuan negara telah mengakibatkan kawasan hutan di Semenanjung Malaysia terus berkurangan dari 9.4 juta hektar dalam tahun 1960 kepada 8.0 juta hektar dalam tahun 1970 dan terus berkurangan kepada 6.3 juta hektar dalam tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perhutanan adalah merupakan bidangkuasa Kerajaan Negeri, tetapi perlu diwujudkan penyelarasan dan kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Melalui kerjasama

ini satu Dasar Perhutanan Negara telah diwujudkan untuk membangunkan sektor perhutanan negara secara teratur untuk faedah jangka panjang.

Satu aspek yang perlu diberi perhatian yang sama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah mengenai kadar pembalakan yang dijalankan selama ini. Kadar pembalakan yang begitu pesat perlu dikawal sekiranya negara mahu mengelakkan masalah mendapatkan bekalan balak dari sumber tempatan yang mencukupi menjelang akhir tahun 1990an.

Menyedari akan hakikat sumber hutan negara perlu dikawal dan diurus dengan cekap dan teratur supaya negara akan terus mendapat bekalan balak dalam negari di tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan dengan sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri telah meluluskan satu Dasar Perhutanan Negara dalam tahun 1978. Penerimaan dasar ini oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dilaksanakan merupakan satu perkembangan yang amat penting dalam pembangunan sektor perhutanan negara kerana dasar ini menggariskan unsur-unsur dan program pelaksanaan dasar untuk menjamin unsur-unsur dasar yang telah ditetapkan itu dilaksanakan dengan jayanya. Kerajaan-kerajaan Negeri telah menerima dasar ini dan telah melaksanakannya. Unsur-unsur dasar yang menyentuh soal pengurusan dan pembangunan hutan adalah mengenai keperluan penubuhan kawasan Hutan Simpan Kekal, melaksanakan usaha pemulihan hutan dan menggunakan prinsip pengurusan yang boleh menjamin negara akan mendapat bekalan balak dalam Negeri secara berterusan.

Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini telah

digubal secara bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, dan telah mendapat persetujuan Majlis Perhutanan Negara dan Majlis Tanah Negara yang kedua-duanya adalah dianggotai oleh kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri. Rang Undang-undang ini adalah juga merupakan satu "Policy Instrument" bagi melaksanakan unsur-unsur pengurusan dan pembangunan hutan yang terdapat dalam Dasar Perhutanan Negara.

Dari segi penubuhan kawasan Hutan Simpan Kekal, peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini telah mengatasi kelemahan yang terdapat dalam Enakmen-enakmen Hutan negeri yang berkuatkuasa sekarang. Rang Undang-undang ini memperuntukkan satu proses sahaja yang perlu dilakukan untuk menubuhkan sesuatu kawasan sebagai Hutan Simpanan Kekal berbanding dengan 11 proses yang perlu dilakukan mengikut Enakmen Hutan negeri yang ada sekarang. Dengan satu tindakan pentadbiran sahaja mengikut Rang Undang-undang, sesuatu kawasan telah diwujudkan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal sementara mengikut prosedur lama, yang terpaksa mengalami 11 proses, boleh memakan masa bertahun-tahun lamanya. Hutan Simpan Kekal perlu ditubuhkan di negara kita. Suatu kawasan Hutan Simpan Kekal itu terdiri dari Hutan Berhasil (Production Forests), dengan izin, Hutan Perlindungan (Protection Forests) dan Hutan Lipur (Recreation Forests). Ketiga-tiga jenis hutan ini mempunyai fungsi yang berlainan dan khusus. Hutan Perlindungan dan Hutan Lipur akan kekal dalam keadaan asli bagi memenuhi keperluan alam sekitar, hidupan liar, kawasan tadahan air, dan untuk rekreasi. Hanya Hutan Berhasil yang akan diusahakan untuk pengeluaran balak.

Untuk menjamin negara akan terus mendapat bekalan balak dari Hutan Simpan Kekal ini, pengurusan Hutan Berhasil akan menggunakan prinsip pengurusan pengeluaran secara berkekalan (sustained yield management). Sistem pengurusan seperti ini antara lain menentukan bahawa bagi sesuatu pembalakan hanya jenis-jenis yang telah mencapai ukuran tertentu sahaja yang dibenarkan ditebang, sementara balak yang belum mencapai had ukuran tersebut ditinggalkan dan diselenggarakan untuk ia membesar supaya boleh dibalak apabila mencapai had ukuran yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari memerlukan penubuhan kawasan Hutan Simpan Kekal bagi maksud pengurusan dan pembangunan hutan, Rang Undang-undang ini juga memerlukan sumber hutan yang telah diusahakan itu dipulihkan semula, terutama sekali di kawasan Hutan simpanan Kekal. Rang Undang-undang ini mengatasi kelamahan yang terdapat di dalam enakmen hutan negeri yang berkuatkuasa sekarang dengan adanya peruntukan memerlukan seseorang pengusaha atau pembalak menyediakan pelan pembalakan dan penghutan semula yang perlu diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri sebelum sesuatu kerja pembalakan boleh dibenarkan. Keperluan ini tidak mengira luas kawasan yang diluluskan kepada seseorang pengusaha atau pembalak berbanding dengan keadaan sekarang di mana hanya pengusaha atau pembalak yang diluluskan kawasan seluas 20,000 hektar atau lebih dikehendaki melakukan pemulihan hutan. Dengan adanya pelan pembalakan dan penghutan semula, Jabatan Perhutanan Negeri dapat mengawasi dan mengesani kegiatan pembalakan dan penghutan semula yang dijalankan oleh pengusaha atau pembalak.

Usaha pemulihan hutan melalui pematuhan kepada pelan pembalakan dan penghutan semula ini diperkuatkan pula oleh peruntukan dalam Rang Undang-undang yang memerlukan Pihak Berkuasa Negeri menubuhkan satu Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang pada asasnya akan digunakan untuk kegiatan pemulihan hutan. Selain dari itu, Kumpulan Wang ini akan digunakan juga untuk menyediakan rancangan-rancangan pengurusan hutan dan pembangunan Hutan Lipur yang dimajukan dari masa ke semasa. Penubuhan Kumpulan Wang ini juga merupakan satu perkembangan yang mengatasi kelemahan yang terdapat dalam sistem pengurusan hutan sekarang ini. Kewangan bagi melaksanakan program pemulihan hutan sekarang ini diperolehi dari tabung Ses Silvikultur yang amat terhad peranannya. Dengan perluasan peranan Kumpulan Wang yang ditubuhkan itu, Pengarah Perhutanan Negeri akan berkebolehan menjalankan peranan-peranan penting yang telah dipertanggungjawabkan oleh Rang Undang-undang, terutama sekali mengenai keperluan menyediakan rancangan pengurusan hutan dan penghutan semula. Kumpulan Wang ini akan diuruskan oleh satu jawatankuasa peringkat tinggi Kerajaan Negeri dan Pengarah Perhutanan Negeri dikehendaki menyediakan laporan tahunan mengenai kegiatan yang dijalankan oleh Kumpulan Wang kepada Pihak Berkuasa Negeri. Keperluan ini akan menjamin bahawa Kumpulan Wang akan dibelanjakan mengikut rancangan pengurusan hutan dan penghutan semula yang dikaji dari masa ke semasa selaras dengan perkembangan semasa.

Selain daripada memenuhi keperluan Dasar Perhutanan Negara, Rang Undang-undang ini adalah

mempunyai dua tujuan asas yang penting yang mendorong penggubalan dilakukan, iaitu untuk mencapai tujuan keseragaman dan kemaskini dalam undang-undang hutan di negara ini, terutama sekali di semenanjung Malaysia.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini terdapat 11 Enakmen Hutan yang berasingan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan dua undang-undang perhutanan yang berasingan bagi Sabah dan Sarawak. Enakmen-enakmen Hutan negeri ini mula digubal dalam tahun 1909 bagi negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang, tahun 1934 bagi Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor dan bagi negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia di antara tahun 1937 dan 1939. Nyatalah bahawa Enakmen-enakmen Hutan negeri yang berkuatkuasa sekarang telah digubal lebih 40 tahun yang lalu. Enakmen-enakmen Hutan ini adalah khusus bagi sesuatu negeri, dengan demikian tidak wujud keseragaman di dalam undang-undang kecuali bagi negeri-negeri Pahang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan yang menggunakan Enakmen Hutan yang seragam.

Selain daripada keperluan untuk menyeragamkan enakmen-enakmen Hutan yang berasingan itu, keperluan timbul juga untuk mengemaskinkan Enakmen-enakmen tersebut supaya selaras dengan perkembangan-perkembangan dan kehendak semasa, khususnya dalam keadaan sumber hutan makin berkurangan dan negara perlu bergerak ke arah memperluaskan lagi kegiatan pemprosesan hasil kayu-kayan negara. Unsur-unsur kemaskini yang terdapat dalam Rang Undang-undang adalah mengenai sistem pentadbiran hutan yang memberi perhatian kepada keperluan pengusahasilan dijalankan dengan secara teratur, mengakibatkan

gangguan yang minimum kepada alam sekitar, memelihara kestabilan alam sekitar dan sumber bekalan air, menjamin pemulihan hutan dan mengurangkan pembaziran sambil meninggikan daya pengeluaran di peringkat pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pentadbiran hutan, aspek penguatkuasaan juga diberi perhatian yang penting oleh Rang Undang-undang ini. Jenis kesalahan yang berhubung dengan hutan telah disenaraikan. Dengan cara ini Jabatan Perhutanan Negeri dapat menentukan dengan jelas jenis-jenis kesalahan yang boleh diambil tindakan ke atas sesiapa yang melakukannya. Bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan ini, hukuman yang lebih berat adalah dikenakan sekiranya yang melakukan kesalahan itu disabit oleh mahkamah. Untuk memudahkan penguatkuasaan Rang Undang-undang berhubung dengan kesalahan hutan, pegawai-pegawai hutan di peringkat tertentu adalah diberi kuasa menangkap, menyita dan menyiasat seseorang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan hutan. Pegawai-pegawai hutan juga diberi kuasa menyita hasil hutan yang menjadi perkara kesalahan. Mana-mana kenderaan yang disyaki membawa hasil hutan yang melanggar undang-undang boleh ditahan oleh pegawai hutan di peringkat tertentu. Bagi kesalahan-kesalahan yang tidak begitu berat, Pengarah Perhutanan Negeri diberi kuasa untuk mengkompaun kesalahan tersebut. Beberapa peruntukan lain dalam Rang Undang-undang berhubung dengan penguatkuasaan ini boleh dianggap sebagai langkah-langkah mencegah daripada mana-mana pihak melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Dengan itu pengurusan dan pentadbiran hutan dapat dilakukan dengan gangguan yang minimum dari mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perhutanan adalah satu sektor yang penting dalam ekonomi negara bukan sahaja dari segi memberi sumbangan kepada pendapatan eksport negara dan pekerjaan bahkan juga pembangunan industri negara ini. Program pembangunan hutan berasaskan kepada dasar dan undang-undang yang dibentangkan sekarang ini adalah bertujuan untuk menjadikan sumber hutan sebagai satu sumber yang boleh diperbaharui, baik secara pemulihan dalam hutan asli mahupun dari penanaman secara ladang.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Memandangkan kepentingan sektor perhutanan dari segi ekonomi dan sumber hutan sebagai sumber yang boleh diperbaharui, adalah mustahak Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bekerjasama dan Kerajaan Negeri terus memberi sokongan kepada usaha membangunkan sektor perhutanan. Dengan cara ini generasi yang akan datang akan berpeluang menikmati sumber asli yang kita pelihara dan majukan dan negara dapat mengelakkan akibat-akibat pengusahasilan yang berleluasa yang dialami oleh beberapa negara di mana perumpuan hutan yang meluas telah mempunyai kesan buruk terhadap iklim dan cuaca. Peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini akan menjamin sumber hutan negara dan ditadbirkan dengan cekap dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya

kemukakan masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan dalam Negeri-negeri di Malaysia dan bagi maksud-maksud yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Ahli Yang Berhormat dari Matang.

*4.03 ptg.*

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk berucap dan membahaskan satu Rang Undang-undang Perhutanan Negara 1984.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang bercakap berhubung dengan masalah hutan di negara ini maka terbayanglah di ruangan mata masing-masing dengan keadaan yang menghijau di sekelilingnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan hutan simpan masih luas lagi di negara kita tetapi apa yang kita dapati pada hutan-hutan simpan pada hari ini tidaklah lagi sebegitu hijau ataupun indah seperti hutan simpan di masa 10 atau 20 tahun yang lampau yang mana hutan-hutan simpan di masa 10 atau 20 tahun dahulu jauh berbeza dengan hutan-hutan simpan di masa kini.

Saya berkata begini oleh kerana banyak di antara hutan-hutan simpan di masa kini telah diterokai oleh pihak-pihak ataupun orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Ada kawasan-kawasan hutan simpan yang diterokai oleh mereka ini dan ditanam pula dengan tanaman-tanaman seperti kelapa sawit. Apa yang

mendukacitakan saya ialah mengapakah pihak Jabatan Hutan tidak mengambil tahu ataupun tidak mengambil tindakan terhadap orang-orang yang menerokai hutan simpan itu.

Saya bagi satu contoh untuk pengetahuan Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang berasal daripada negeri Perak. Di sini saya hendak bagi tahu ada satu kawasan hutan simpan Kerajaan, kalau tak salah saya dalam Kawasan Hutan Simpan Bintang Hijau, iaitu di kawasan Redang Panjang, Ijok, Batu Kurau, Taiping, Perak yang mana apa yang saya dapat laporan daripada pihak-pihak intelligent—ini bukan saya bergurau, saya ini serius, walaupun serius muka saya itu senyum, senyum-senyum kambing untuk pengetahuan Timbalan Menteri.

Kawasan ini telah diterokai di antara 500 ke 1,000 ekar dan hasil kelapa sawitnya pun hampir-hampir sudah hendak dikeluarkan. Saya harap Timbalan Menteri kata keluar, itu fahamlah. Jadi dalam kawasan ini, saya sebenarnya ada seorang kawan daripada seorang intellegent tentera, mereka telah pergi menyasat dan juga untuk pengetahuan, Pembangkang pun tak ada hari ini, ada seorang, bahawa untuk pengetahuan Pembangkang juga, kawasan ini diterokai oleh beberapa orang-orang Tionghua dan kawasan ini pula pada satu ketikanya adalah kawasan hitam yang mana kemungkinan mereka ini terdiri daripada anasir-anasir anti-nasional ataupun kita berterus terang kita kata, mungkin mereka ini terdiri daripada penyokong-penyokong komunis, sebab kawasan Ijok ini pada satu ketika adalah kawasan hitam. Jadi kawasan ini kedudukannya begitu strategik sekali. Jauh daripada kampung dan diupahnya, mereka telah mengupah beberapa orang

pekerja-pekerja yang terdiri daripada orang-orang kampung yakni orang-orang Melayu dan apa yang kita dapat laporan mengatakan kawasan itu pokok-pokoknya sudah hampir-hampir hendak mengeluarkan hasil dan kemungkinan masa ini sudah mengeluarkan hasil tetapi sehingga hari ini pihak Jabatan Hutan ataupun pihak-pihak yang tertentu yang bertanggungjawab tidak mengambil apa-apa tindakan. Jadi inilah yang menjadi satu masalah. Oleh kerana saya berkata begini, saya berterusterang orang-orang kaum Bumiputera, khasnya orang Melayu di Malaysia ini, orang Melayu tidak-bukanlah ertinya orang Melayu takut, orang Melayu ini adalah satu bangsa yang taat, dia berpegang kepada ayat Quran, ertinya: "Taat kepada Allah, taat kepada Rasul dan taat kepada pemerintah". Khasnya terdiri daripada orang-orang UMNO.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, itulah sikap orang-orang Melayu tetapi apabila orang Melayu ini terlampau taat, "atiullahu Atiurrasul Waulilamrimingku" taat kepada Allah, taat kepada Rasul taat kepada pemerintah, kadang-kadang bila terlampau lemah menjadi lemah orang Melayu, dia takut hendak buat. Oh, kita tidak boleh, tetapi kalau bangsa-bangsa lain buat, saya bercakap ini bukan kerana perkauman. Saya hendak mengubah supaya orang Melayu buat kurang ajar sedikit bak kata Timbalan Perdana Menteri dahulu. Orang Melayu kena ubah sikap.

Kalau kadang-kadang Kerajaan bila orang Melayu hendak ubah sikap, suruh orang Melayu ubah sikap, orang Melayu buat kurang ajar sedikit sudah diambil tindakan. Tetapi kalau tengok contoh macam mana di Bercham, saya cukup panas baran menengok keadaan, perangai biadap sikap mereka kerana mereka itu digunakan

oleh pihak-pihak pembangkang, pembangkang DAP bukan pembangkang lain. Itu menentang, ini menentang, ini berkenaan kes Bukit China pun, ini saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, hendak menentang juga tetapi di negara Singapura yang mana parti yang memerintah seperti parti Pembangkang ini juga ambil tanah perkuburan dua tiga tempat—diam, tidak ada siapa pun mahu mengungkit, tiada siapa berani hendak lawan. Mentang-mentang kata Kerajaan Malaysia ini mengamalkan Demokrasi, oh! begitu, begini semua tidak kena, tidak betul, itu tidak betul, ini tidak betul. Kalau tidak betul sahaja, pindah daripada negeri ini. Jangan duduk bumi ini, kerana ini hak orang Melayu. Bukan saya marah, sikap itu, sikap, semua Kerajaan walhalnya Kerajaan Perakkah, saya balik ke Ipoh menemui Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun berjanji tetapi mereka telah mengambil peranan pula, jolok sana, jolok sini, sudah melompat.

Inilah dia, jadi kawasan yang saya sebutkan tadi untuk pengetahuan Timbalan Menteri, tolong-tolong siasat sama ada benar, tidak benar. Kalau benar, ha! apa hadiah hendak beri kepada saya?

Jadi, itulah saya minta perhatian, saya tidak salahkan Timbalan Menteri ataupun Menteri, mereka mana hendak tahu, duduk di “Kuala Lumpur” kata orang utara, duduk di pejabat, mana dia orang hendak tahu, kecuali kalau rakyat sendiri melalui Wakil Rakyatnya datang ke Parlimen, macam saya ini hendak beritahu kepada Timbalan Menteri supaya ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah apa yang saya lihat di sini bahagian Akta Perhutanan Negara ini iaitu bahagian kedua—Pentadbiran, ketiga—Perlantikan Pegawai-pegawai.

Di sini saya minta perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya melatih pegawai-pegawai hutan ini biarlah ada sikap, yang pertama sekali sikap amanah, macam mana konsep Kerajaan pada hari ini Bersih, Cekap dan Amanah. Berhubung dengan masalah hendak jadi kaya, semua orang hendak jadi kaya, hendak jadi senang, semua orang hendak senang; tidak ada satu manusia di atas muka bumi ini kata dia hendak susah, dia hendak senang. Tetapi kita harus sedar, kita ini mungkin kata orang pegawai-pegawai hutan peringkat daerahkah, pegawai ranger, mungkin gaji tidak cukup. Saya minta Kementerian mengkaji balik kedudukan mereka itu dari segi gaji mereka, mungkin daripada situlah ada yang menjadinya korapsi, kata orang rasuah. dalam kawasan saya banyak kawasan hutan tetapi bukan hutan balak, hutan kayu bakau, banyak taukeh-taukeh kayu bakau, kayu arang ini terpaksa kadang-kadang berbulan-bulan itu diberi macam kata orang dahulu, macam Raja Kedah hendak menghantar bunga emas kepada Raja Siam. Ada juga di antara di sinipun terpaksa kadang-kadang tiap-tiap bulan kena bayar, kalau tidak, tidak mahu “sign”, tidak mahu lulus. Itulah saya berharap. Kejadian ini lumrah hidup.

Saya berharap dalam masalah ini supaya kita melatih, yang pertama sekali kita latih saya harap Timbalan Menteri sebagai seorang Islam, kita mesti ada sifat taqwa kepada Allah Subhanahu wa taala yang pertama sekali. Itulah yang paling utama. Kalau kita ada sifat taqwa, insya Allah, kita takut kepada Tuhan, jadi kita tidak akan melakukan perkara-perkara yang keji seperti rasuah dan lain-lain.

Ada segelintir bukan semua pegawai-pegawai hutan ini sama ada di peringkat daerah ataupun Pengarah

Hutan Negeri pun ada yang tidak beramanah dan tidak bertanggungjawab.

Adakalanya, Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri misalnya di Perak ada lebih kurang 2,000 ke 3,000 syarikat yang berdaftar dengan Jabatan Hutan Negeri Perak. Syarikat-syarikat ini dahulu didaftarkan setahun \$50, kemudian naik \$100, kemudian sekarang naik \$300 setahun, banyak daripada syarikat-syarikat ini tiap-tiap tahun bayar \$200, \$300 tetapi haram minta kawasan tidak pernah dapat. Minta merayu begini begitu tidak pernah dapat. Bukan bererti saya minta, tidak, saya tidak ada tukul besi tetapi apa yang saya dapat laporan daripada kawan-kawan yang memohon, sudah berbelas-belas tahun sekali tidak pernah dapat. Apa yang saya dapat tahu mengatakan satu-satu kawasan misalnya satu syarikat itu minta memohon, katalah kawasan Piah di sungai Siput ada lebih kurang 1,000 ekar minta, yang minta 100 orang tetapi ada pegawai yang telah berunding dengan satu-satu syarikat dia hendak beri kepada syarikat itu. Misalnya syarikat A minta, B minta, C minta, tidak dapat, syarikat Z minta dapat kerana dia ada habuan.

Itu saya berterus-terang, Tuan Yang di-Pertua, saya inilah tempat yang saya hendak mengadu hal pun kata orang. Di mana lagi saya hendak mengadu hal, bercakap di sana melenting tidak diterima mereka, ini dia tempatnya sebab saya bercakap ini bukan daripada suara saya kerana diberitahu oleh berpuluh-puluh syarikat di Perak suruh saya sampaikan dalam Parlimen, beritahu kepada Menteri atau kepada Timbalan Menteri. Kena gaya hari ini telah ada sampai masanya, itulah sikapnya.

Ada setengah mereka itu yang kaya, kita tidak gaduh kaya, itu asalkan orang Melayu kaya, tetapi kaya

menipu, kaya cara menipu bukan dengan usaha titik peluh dia, cara menekan. Katalah saya ada syarikat hendak minta hutan, Pengarah Jabatan Hutan kata "Kalau you boleh beri kepada I begini, ada ini-ini semua, sekian-sekian, boleh". Yang saya ini berkehendakkan juga terpaksa berjanji, sign agreement pula. Selepas itu katalah dapat, dapat pula jual, jual kepada "ca" pula dapat \$200,000. Dia dapat \$100,000, \$100,000 lagi "nah" beri kepada orang itu. Itu dia sikap yang ada pada hari ini.

Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Pengarah atau Pegawai Hutan, jangan benarkan duduk terlalu lama di satu-satu tempat, kalau lama duduk di tempat itu, dia lebih bertambah kaya. Misalnya Pengarah Hutan Negeri Perak, sudah 8 (lapan) tahun, tiap-tiap tahun pergi "round dunia". (*Ketawa*) Mana datang duit boleh round dunia, pusing dunia tiap-tiap tahun, sekurang-kurangnya tambang kapal terbang \$10,000.

Saya bercakap di sini dengan berterus-terang kerana saya tak suka bercakap di belakang. Setengah orang itu dia takut bercakap, tetapi saya seperti kata Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, kalau perkara yang benar terus kemukakan. Dan saya hanya takut kepada Allah s.w.t. kepada sesama manusia saya tak gentar, kepada Allah sahaja yang saya takut. Perkara yang benar kita takut apa? Kalau hendak tahu saya boleh ceritakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi dalam Dewan ini saya tidak ceritakan, kita berjumpa "one by one", dengan izin. Jadi itulah satu daripada masalahnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Kementerian sedang

berusaha hendak memulihkan kawasan hutan, hendak tanamkan semula kawasan hutan. Saya setuju perkara itu. Jadi saya berharap demikian kerana hutan negara kita kalau dibiarkan, oleh kerana kadang-kadang itu ada pekerja-pekerja hutan balak itu kawasannya, katalah, si A dapat kawasan 300 ekar, misalnya, di Perak, bukan diteroka sekadar 300 ekar tetapi 50 ekar di sebelahnya pun diteroka juga, jadi bukan 300 ekar, tetapi 350 ekar bahkan sampai melebihi 100 ekar lagi pun ada, kadang-kadang melarat sampai lebih 400 ekar.

Perkara ini saya hairan, kayu itu bila sudah ditebang macam mana boleh bawa keluar, walhal Pegawai Hutan sudah tahu kawasan 300 ekar itu katalah ada 1,000 pokok ataupun sekurang-kurangnya 500 pokok yakni lebih kurang dalam 3,000 tan bagi kawasan hutan tebal. Tetapi macam mana dalam itu pun boleh dapat lebih daripada itu. Kadang-kadang dia punya bagan di sini, dirunding dengan kawasan sebelah, bukan bawa keluar ikut sini, bawa keluar ikut kawasan lain, pakat di sana pula. Ini satu taktik pula, yakni macam-macam taktik, macam-macam helah hendak mengelakkan cukai.

Jadi ini fasallah hutan kita sekarang berkurangan. Kadang-kadang yang dibenarkan oleh Kerajaan mengikut ukuran Kerajaan Perak lebih kurang 26" peropang luas kayu itu baru boleh tebang. Tetapi ada setengahnya saya hairan macam mana kayu yang kecil pun ditebang, yang tak sampai 24" atau 20" pun ada ditebang. Inilah masalahnya. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan ataupun Timbalan Menteri Perusahaan Utama supaya menyasat betul-betul dalam masalah ini.

Dan selain daripada itu di segi hutan-hutan ini kita dapati sekarang

kayu hutan, kayu balak ataupun kawasan hutan berkurangan. Jadi saya berharap supaya Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama Kerajaan Negeri supaya dapat berikhtiar supaya hutan-hutan dalam tiap-tiap negeri itu hendaklah diawasi, benar-benar diawasi kerana ada setengah kawasan-kawasan hutan yang tidak diluluskan oleh pihak Jabatan Hutan tiba-tiba apabila ada orang lain minta, tengok-tengok kosong, tak ada kayu. Ada syarikat-syarikat, untuk pengetahuan Dewan ini, yang memohon kawasan hutan mendapat 320 ekar, cek-cek dalamnya hanya hutan buluh, sebatang kayu balakpun tak ada, cuma balak yang ada dalamnya balak kayu buluh. Ini yang menghairankan, macam mana boleh lulus? Ini ada berlaku. Dia minta kayu kerana syarikat itu minta kayu bukan minta buluh, kalau ada lesen keluarkan buluh tak apa juga. Jadi inilah satu masalah serius kerana tidak ada amanah di antara tokeh-tokeh kayu balak dengan pekerja-pekerjanya. Dan kemungkinan ada muafakat dengan setengah-setengahnya—bukan semua—ada segelintir pegawai-pegawai hutan. Inilah saya katakan harus berwaspada dan beringat-ingatlah dalam masalah ini.

Jadi saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan akhir kata saya menyokong di atas Akta Perhutanan Negara, 1984. Sekian, saya sudahi dengan terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:** Ahli Yang Berhormat dari Kapit.

4.25 ptg.

**Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit):** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap pembentangan Rang Undang-undang Perhutanan Negara ini sangat sesuai dan kena pada masanya dalam konteks pembangunan dan kemajuan ekonomi kita.

Seperti Rang Undang-undang yang lain untuk seluruh negara, kita sentiasa memandang kepada kebaikan atau kekurangan sesuatu Rang Undang-undang itu. Dari pengalaman kita dapat tahu bahawa kita berupaya untuk membuat perubahan-perubahan dalam undang-undang Persekutuan supaya ianya bersesuaian dengan keadaan sesuatu tempat ataupun negeri.

Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini, walau bagaimanapun, adalah merupakan tindakan yang sangat jarang diambil oleh Kerajaan Pusat iaitu membentangkan Rang Undang-undang yang berkaitan dengan perkara yang bersabit dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri iaitu hutan.

Rang Undang-undang ini dari perkataan dan semangatnya patutlah mendapat sokongan kita kerana ia memberikan pengiktirafan atau "recognition" yang penuh akan kedudukan dan hak sesebuah negeri seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun bagaimanapun, tindakan untuk membentangkan satu Rang Undang-undang yang seragam berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pemeliharaan hutan dan pembangunan sumber hutan bagi negeri Sarawak patutlah dikaji dari segi implikasinya dan keadaan yang begitu kompleks sebelum ianya dikuatkuasakan di negeri Sarawak. supaya tidak ada keraguan biarlah saya katakan di sini bahawa saya percaya Kerajaan Negeri Sarawak juga mempunyai pandangan dan tujuan yang sama dengan Kerajaan Persekutuan, terutama mengenai keperluan mengendalikan pengeluaran hasil hutan yang teratur dan pemeliharaan sumber hutan untuk kepentingan negara dalam jangka panjang. Dalam hal ini mungkin kami mempunyai pendekatan yang

berlainan dalam pelaksanaannya tetapi ini adalah hal yang boleh dijangka.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 1 (2) Rang Undang-undang ini adalah jelas dalam perkara bahawa Akta berkenaan tidak akan dikuatkuasakan di sesebuah negeri kecuali ianya telah diterima oleh satu undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

Mengikut cerai (3) di bawah Artikul 76 dalam Perlembagaan Persekutuan walaupun negeri-negeri pasti akan mendesak supaya haknya dihormati mengikut rangka kerja Laporan IGC, saya mempunyai keyakinan bahawa negeri-negeri ini tidak akan bersikap tidak wajar terhadap kehendak negara.

Peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Rang Undang-undang, ini jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak ruang bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dianugerahi dengan sumber alam yang demikian untuk bekerjasama dengan rapat terutama dalam bidang kajian, pelajaran atau latihan pembangunan sumber air, mendirikan loji-loji untuk kerja-kerja penukaran dan menyediakan infrastruktur pembalakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bidang kajian ini telah dan akan terus dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan bolehlah membantu usaha Kerajaan Negeri dengan menjalankan apa yang belum dibuat dalam kajian dan pelajaran atau latihan. Pada hakikatnya tujuan kita akhirnya ialah untuk menggabungkan pengalaman dan pengetahuan kita bersama dan menumpukannya ke arah pengurusan pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan kita yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya yang lain mengenai Rang Undang-undang ini ialah bersabit dengan aspek pentadbiran Akta ini. Rang Undang-undang ini sangat jelas dalam suatu perkara iaitu Pengarah Hutan Negeri dan pegawai-pegawai kanan lainnya adalah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Timbalannya serta pegawai-pegawai lain menerima arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Di sebalik itu akan juga ada pula Pengarah Hutan yang akan dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Saya rasa tidak salah kalau saya meminta penjelasan bagi satu perkara yang penting iaitu adakah Pengarah Hutan Negeri juga menerima arahan daripada Ketua Pengarah di Kuala Lumpur berkenaan dengan urusan peruntukan-peruntukan yang tertentu dalam Akta tersebut, dan jika ya, setakat mana? Tidakkah ini akan menimbulkan keadaan di mana percanggahan akan berlaku memandangkan bahawa pihak yang berkuasa mengenai hal ehwal hutan adalah masih di Kerajaan Negeri.

Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai pengeluaran lesen tahunan. Dari segi pengalaman negeri Sarawak dalam perkara ini ianya merupakan cadangan yang tidak begitu praktikal. Luas Negeri Sarawak adalah sama besar dengan Semenanjung kalau tidak dikira Negeri Perlis. Menghantar kakitangan dan alat-alat serta menyediakan kem akan mengambil masa berbulan-bulan dan kadangkala lebih setahun. Peruntukan ini sangat jelas menunjukkan perlunya penyesuaian dibuat sebelum Akta seperti ini dipanjangkan ke negeri-negeri seperti Sarawak dan Sabah.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini terutama berkenaan

dengan tujuan dan objektif-objektifnya seperti yang terkandung di bawah penyata keterangannya.

**Dr Abdul Halim bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Kinabatangan.

*4.34 ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan):** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua tahu sumber yang amat penting sekali yang dimiliki sesebuah negeri di Malaysia ialah sumber tanah dan hutan. Kedua-dua sumber ini merupakan hakmilik sesebuah negeri. Sekiranya hak-hak ini diambil alih pula oleh Kerajaan Pusat maka tidak ada lagi sumber lain yang tinggal bagi sesebuah negeri itu bagi maksud-maksud membangunkannya. Kalau tidak silap saya pendapat seperti ini pernah disuarakan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia ketika memberikan jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan sekali-kali mengambil alih hak milik tersebut dari mana-mana negeri jua pun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan ini bukanlah bertujuan untuk memansuhkan hak dan kuasa perhutanan sesebuah negeri tetapi sebaliknya memperkuatkan lagi jaminan Kerajaan Persekutuan bahawa kuasa-kuasa Kerajaan Negeri terhadap kehutanan tetap tidak berubah seperti yang terdapat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah mempunyai peraturan dan undang-undang hutan sendiri yang dirumuskan bagi menyelaraskan sistem perhutanan di negeri Sabah. Dalam bulan Mac tahun ini Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan selanjutnya bagi memastikan bahawa

pengurusan hutan akan kekal menjadi hak rakyat jelata yang disalurkan melalui wakil-wakil yang mereka pilih. Langkah ini dilaksanakan dengan cara memindahkan kuasa-kuasa Menteri yang bertanggungjawab bagi hasil bumi yang membolehkan beliau membatalkan Hutan-hutan Simpanan atau sesuatu bahagiannya kepada kuasa Dewan Undangan Negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah telah juga memperkenalkan beberapa peraturan dan undang-undang yang ketat dalam usaha melindungi dan memelihara hutan. Antara langkah yang diambil termasuklah mengawal penebangan pokok-pokok, menghadkan penggunaan jentera berat dan mengenakan hukuman berat bagi kesalahan mencuri kayu balak dan perbuatan mengelak dari bayaran royalti balak. Dalam pada itu, kami telah melancarkan skim penghutan dan penghutan semula secara besar-besaran bagi menjamin bekalan kayu kayan yang mencukupi dan berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negeri Sabah mempunyai kira-kira 3.5 juta hektar atau 47.3% dari keluasan tanahnya yang ditetapkan sebagai hutan simpan. Selain dari itu lebih 3.8 juta hektar tanah telah diperuntukkan bagi maksud membangun pertanian, perumahan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain bagi menjamin kesejahteraan meningkatkan taraf hidup rakyat. Di bawah dasar pemberian tanah pula, setiap rakyat yang tidak mempunyai tanah akan diberi sebidang tanah seluas 6 hektar untuk pertanian.

Undang-undang Hutan yang ada pada masa ini telah dapat menjamin pengurusan hutan secara baik dan efficient. Apa yang menjadi persoalan kepada kita ialah sikap negara-negara sudah membangun yang ingin membeli kayu balak kita dengan harga yang rendah dan tidak berpatutan tetapi menggunakan kadar tarif yang

tinggi atas barangan siap daripada kayu kayan kita. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan hendaklah merundingkan perkara ini dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan negeri-negeri maju yang lain supaya tidak menjual hasil balak mereka secara berlebihan ke Jepun yang merupakan pembeli utama kayu balak kita. Ekonomi Amerika Syarikat tidak akan terjejas jika negaranya tidak menjual balak dengan harga yang terlalu rendah, sebaliknya dengan cara menghentikan atau menghadkan bekalan balaknya ke Jepun Amerika Syarikat akan dapat membantu negara-negara membangun yang lain seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa kita telah menggesa Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara maju yang lain supaya menghadkan dagangan mereka yang membawa kepada kejatuhan harga di pasaran antarabangsa. Hasrat kita itu masih belum mencapai kejayaan mungkin kerana kita dianggap sebagai sebuah negara kecil dan tidak mampu menjadi satu ancaman kepada mereka dalam apa jua bidang sekali pun. Bagaimanapun, sikap mereka yang mementingkan diri sendiri itu sebenarnya telah banyak menimbulkan keburukan bukan sahaja terhadap kepentingan kita malahan juga kepada kepentingan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkurangnya pendapatan sesebuah negara itu bermakna kurangnya pembangunannya. Berkurangnya pembangunan bermakna jatuhlah taraf hidup rakyat. Sekiranya kita tidak dapat membaiki taraf hidup rakyat luar bandar kita yang miskin maka akibatnya kita akan menghadapi keadaan ekonomi dan politik yang tidak stabil. Keadaan serupa itu pasti tidak akan disukai oleh Amerika Syarikat atau mana-mana negeri maju yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya merundingkan dengan Kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun supaya memastikan agar harga pasaran balak kita kekal pada kadar yang boleh terima bagi menjamin pulangan yang lebih berpatutan dalam usaha memelihara pembangunan ekonomi negara kita.

Negeri Jepun khususnya hendaklah membalas hasrat murni kita selama ini kerana perdagangan di antara negeri Jepun dan Malaysia dari dahulu hingga sekarang sentiasa menguntungkan pihak negeri Jepun sahaja.

Saya sekarang menyokong Akta Perhutanan Negara, 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu sumber alam, hutan sangat berharga kepada negara ini. Oleh itu sememangnya sangat patut diuruskan dengan baik. Oleh kerana itu Rang Undang-undang Perhutanan Negara, 1984 ini bertujuan menguatkuasakan pengurusan hutan-hutan dengan baik dan saya menyokong Akta Perhutanan Negara, 1984 ini.

Kita tidak seharusnya membiarkan pembalakan dilakukan dengan tidak mengambil kira keperluan melindungi alam sekitar, tanah-tanah, bekalan air, mergastua dan iklim. tidak ada ertinya kita mendapat hasil yang besar daripada kayu-kayan jikalau kehidupan kita akan menjadi tidak selisa kerana bekalan air menjadi kurang atau keruh. Misalnya, bekalan air di bukit-bukit itu apabila kayu-kayan tidak ada tentulah keruh dan

kekurangan air semasa air mengalir ke paip dirasai dan dinikmati oleh penduduk-penduduk yang menikmati air itu mendapat air yang cemar dan kotor.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kehidupan kita akan menjadi tidak selisa kerana iklim akan berubah apabila hutan-hutan telah kehabisan. Contohnya, di jalan Cameron Highlands dari Tapah, Tuan Yang di-Pertua, apabila hutan-hutan ditebang untuk ditanam dengan tanaman yang lain, maka keadaan pada masa dahulu apabila pukul 11.00 ke pukul 4.00 waktu tengahari yang begitu panas kita terasa sejuk oleh kerana lindungan hutan. Tetapi pada hari ini kita tidak terasa lagi, samalah cuaca di tempat itu dengan Tapah iaitu di perdaratan tanah biasa.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi bertambah panas ini kerana jika hutan itu menjadi gondol, lebih-lebih lagi mereka yang terasa di tempat-tempat hutan, di rancangan FELDA apabila tanah telah gondol, debu-debu akan bergerak bebas ke tempat-tempat kediaman yang boleh mengancam kesihatan penduduk-penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, mergastua akan berkeliaran untuk mencari makanan yang berkemungkinan setengah-setengahnya mengancam ternakan yang mana harimau, gajah kadang-kadang boleh masuk ke dalam kampung kerana hutan-hutan tempat kehidupan mereka telah dicemari ataupun dicabuli oleh manusia. Di masa hadapan pula untuk bahan penyelidikan sains dan sebagainya, tumbuh-tumbuhan dan mergastua yang diperlukan akan susah didapati oleh saintis-saintis kita pada masa akan datang.

di samping pembukaan hutan untuk pembalakan, kita juga patut mewajibkan kawasan-kawasan yang telah dibalak itu ditanam semula

dengan jenis-jenis kayu yang berguna. Usaha-usaha ini memang patut dibuat sebelum hutan kita kehabisan kayunya, kerana jikalau sudah habis kayu baru hendak ditanam semula, maka perusahaan-perusahaan kayu kita akan terhenti sementara menunggu pokok-pokok yang ditanam semula itu cukup besar untuk ditebang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi langkah mensyaratkan pembalakan menyediakan Pelan Perhutanan Semula dan melaksanakan Pelan Perhutanan Semula itu memang patut sekali diadakan. di Malaysia ini selalunya apabila Kerajaan hendak memajukan rancangan pembangunan pertanian di FELDA, FELCRA dan lain-lain lagi, maka kawasan-kawasan hutan yang menjadi mangsanya. Sungguhpun rancangan itu baik, kita perlu juga pertimbangan apa akan jadi kepada negara ini jika cara mengambil kawasan hutan itu diteruskan. Hutan akan habis, kalau habis apa akan jadi kepada pengusaha-pengusaha industri kayu, pekerja-pekerjanya, Kerajaan yang bergantung kepada royalti sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa hasil hutan dalam negara kita pada tahun lalu ialah hampir kepada \$4.6 billion iaitu 13.5% eksport keluar negeri pada tahun sudah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yang bergantung kepada royalti premium dan bayaran commission dan Kerajaan Persekutuan yang mendapat hasil daripada berbagai cukai yang dikenakan ke atas sektor industri kayu. Apa akan jadi kepada suasana alam yang kita tinggal, panas berdebu, tidak cukup air bahkan bahan-bahan tradisional pun tidak ada lagi. Langkah mengadakan kawasan Hutan Simpan Kekal yang wajib digantikan balik jika ia diambil, dibuka untuk dijadikan kawasan pembangunan

seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini dan, pada hemat saya, adalah tepat sekali untuk mengatasi kemungkinan-kemungkinan buruk yang disebutkan itu.

Saya difahamkan pada masa ini sumber kewangan untuk menghutun balik hutan-hutan yang dibalak ialah ses pemeliharaan hutan hendaklah ditambah supaya hutan-hutan ini dapat ditanam kembali sebagai hasil dan hutan ini ada tiga cara iaitu hutan perlindungan, hutan berhasil dan hutan lipur ini supaya indah untuk menghijaukan negara kita ini balik. Tetapi saya difahamkan hasil ses ini selalunya tidak cukup kerana ia dimasukkan ke dalam hasil negeri yang boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain.

Kalau mengikut Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perkara ini boleh dielakkan kerana sekarang Kerajaan Negeri terpaksa memasukkan semua bayaran kerana mengeluarkan hasil hutan ke dalam Tabung Pembangunan Hutan. Jadi Rang Undang-undang ini memastikan kewangan untuk menghutun semula tidak diselewangkan.

Yang lebih menarik lagi ialah Rang Undang-undang ini boleh juga membenarkan Kerajaan Negeri mendapatkan pinjaman untuk tujuan menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan hutan yang berkenaan seperti penghutanan semula ini tentu akan menjadikan kewangan untuk menjalankan penghutanan semula bertambah banyak dan cukup. Atas sebab ini, Rang Undang-undang ini memang wajar sekali disokong.

Satu perkara yang menarik dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah adanya sistem tender dan sebutharga yang wajib dijalankan di dalam pengeluaran lesen membalak. Manakala sistem-sistem ini

boleh mendatangkan hasil yang lumayan kepada negeri, kita hendaklah juga beringat bahawa ianya juga boleh diselewengkan. Selain daripada itu ia juga mungkin menyebabkan pembalok Bumiputera kecikiran daripada mendapat kawasan balak. Jadi, saya suka mengesyorkan supaya satu dasar tertentu diadakan, sekiranya belum ada dalam menjalankan sistem ini.

Satu perkara lagi yang saya nampak eloknya Rang Undang-undang ini ialah daripada segi mencegah kecurian hasil hutan. Masa ini kalau orang mencuri hasil hutan yang bernilai berjuta-juta, dendanya kecil sahaja tetapi kalau mengikut undang-undang baru ini nampaknya bukan sahaja kena denda lebih besar tetapi kena juga bayaran balik nilai hasil-hasil hutan yang dicuri. Alat-alat yang digunakan untuk mencuri jika ditangkap boleh dirampas. Jikalau, begini saya percaya bila Undang-undang ini dikuatkuasakan nanti, kita akan melihat kecurian hasil hutan akan berkurangan. Tetapi kejayaan langkah-langkah ini sangat bergantung kepada kejujuran pegawai-pegawai hutan yang menguatkuasakan Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dahulu orang membalak banyak menggunakan alat-alat yang digerakkan dengan tangan, jadi lambat hendak menghabiskan sesuatu kawasan. Sekarang alat-alat moden macam mana besar pun senang dan cepat habisnya. supaya sesuatu kawasan ini tidak cepat habis dan berpindah ke kawasan lain cara menggunakan syarat menghantar semula kawasan yang dibalak itu adalah sangat baik untuk melambatkan hutan rimba itu. Kita tentu ingat tidak berapa lama dahulu satu kebakaran besar berlaku di hutan Kalimantan. Perkara ini boleh berlaku kalau orang-orang bebas keluar masuk ke hutan simpan kita. Adanya

peraturan mengawal keluar masuk dan mengganggu hutan simpan kita boleh mengelakkan kejadian ini. Ini merupakan satu langkah pengurusan yang baik. Jadi, Rang Undang-undang ini memanglah sangat berkesan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Buku Dasar Perhutanan Negara ini, ada tiga perkara penggunaan tanah hutan ini iaitu, hutan perlindungan, hutan berhasil dan hutan lipur. Saya tertarik hati kepada hutan lipur lebih-lebih lagi di kawasan saya ada tiga tempat hutan lipur yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak, iaitu di Batu 7 ada satu kawasan yang begitu indah di sana iaitu ada air panas, di Batu 14 di Jalan Cameron Highlands ada sebuah air lara iaitu air terjun, meleleh begitu, cantik dan sebuah restoran di hujungnyanya. Kemudian ada satu lagi tempat melihat hutan diletakkan di puncak. Di Batu 14 ini terdirilah sebuah restoran. Akhir-akhir ini walaupun hutan lipur ini tujuannya ialah kawasan-kawasan yang cukup bagi tujuan beristirahat, menjalankan penyelidikan dan pendidikan dan memelihara tumbuh-tumbuhan dan mergastua terganjil kawasan hutan serupa inilah dinamakan hutan lipur. Hutan ini apabila ada air terjun, ada sebuah restoran dan bangku-bangku di sekitarnya di tepi-tepi air, maka ramailah penjual-penjual, penjaja-penjaja di tepi-tepi jalan. Dibawa perkara ini dalam mesyuarat Tindakan Daerah, Pegawai Hutan Daerah mengatakan bahawa orang-orang penjaja ini mungkin bolehlah kita keluarkan daripada menjaga ditepi jalan kerana akan merosakkan prestasi restoran tersebut.

Saya telah menentang secara diplomasi iaitu supaya beri peluang kepada rakyat-rakyat murba yang menjual sedikit bahan makanan, bunga-bunga juga buah-buahan daripada hutan, alat-alat kayu-kayan

yang dijual di tepi jalan itu untuk mencari rezeki, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Saya percaya pihak Jabatan Hutan ini hendak menjaga kawasan ini tidak mahu bekerjasama dengan perkara-perkara lain. Ini hutan dia, ini restoran yang disewakannya, mesti dijaga, mesti orang membeli di sini jangan di sana. Kalau ada di sana bermakna di sini prestasinya lebih teruk. Inilah sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam buku ini, dalam aluan kata-katanya yang terakhir sekali:

“Kepada semua pihak yang berkenaan supaya menjalankan segala tugas dan tanggungjawab mereka dengan ikhlas dan dedikasi”.

Itu diminta kepada kita sama-sama bekerjasama. Ertinya kalau mereka ini tidak diberi menjual di tepi jalan, di pinggir-pinggir hutan lipur ini bermakna ramailah mereka mengadu kepada Wakil Rakyat. Di sinilah satu perkara mintalah pihak Kementerian ini atau pihak Pengarahnya datang menyelesaikan perkara ini supaya tidaklah nampaknya bermasam muka di antara pihak Jabatan Hutan itu dengan Wakil Rakyat. Perkara ini adalah sangat senang menyelesaikannya, tetapi apabila dikatakan, Oh! Inilah Wakil Rakyat kelulusan rendah menentang apa juga dasar yang kami jalankan”. Sebenarnya tidak, kerana koordinasi dan kerjasama yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam kata-kata aluan ini minta kita bekerjasama.

Itulah sahaja hujah saya dan saya harap Rang Undang-undang ini dapat berjalan dengan lancar di masa akan datang dan memberi nikmat kepada kita. Sekian, terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.55 ptg.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):**Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat mengalu-alukan Rang Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama di Dewan ini tadi dan saya memang yakin bahawa Rang Undang-undang ini bila dikuatkuasakan dan diterimapakai sepenuhnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat memastikan pentadbiran, pengurusan, pemeliharaan serta perkembangan pembangunan perhutanan yang lebih sistematik, lebih berkesan dan lebih berfaedah lagi kepada negara ini seluruhnya.

Persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menerimapakai suatu Akta Perhutanan yang seragam, kepada saya, membuktikan bahawa konsep negara Federalisma yang dipakai oleh kita adalah berjalan dengan baiknya di mana kepimpinan dan kepentingan Persekutuan secara keseluruhannya sentiasa dipentingkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri sekalipun ini bererti mereka terpaksa mengorbankan sedikit sebanyak kuasa-kuasa dan kepentingan-kepentingan masing-masing secara individunya demi kepentingan negara seluruhnya. Memandangkan bahawa pembentukan Rang Undang-undang ini telah menjalani proses perbincangan dan perundingan yang begitu sangat lama dan juga dipelbagai peringkat termasuk peringkat yang paling tinggi di dalam forum, perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri, saya yakin bahawa penerimaan-pakai Akta ini nanti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan kelulusan Dewan-dewan Undangan Negeri masing-masing sebagaimana menurut Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan, tidaklah akan

mengambil masa yang lama ataupun menimbulkan apa-apa masalah lagi.

Saya membangkitkan perkara ini kerana memandangkan bahawa ada terdapat kes-kes di masa yang lalu di mana Akta-akta Parlimen yang dibuat mengikut peruntukan Perlembagaan di dalam fasal yang sama telah memakan masa yang terlalu lama untuk diluluskan oleh Dewan-dewan Undangan Negeri dan ini menimbulkan berbagai masalah perundangan, pentadbiran dan juga lain-lain. Salah satu Akta yang seumpama itu sepanjang yang saya ingat ialah Akta Pemerbadanan (Competency Act) berhubung dengan kawalan-kawalan kewangan ke atas PKEN-PKEN.

Di dalam hubungan ini juga, saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri tidaklah akan mengadakan pindaan-pindaan yang boleh mengubah dan menjejaskan dasar-dasar, perkara-perkara penting serta aspek-aspek keseragaman yang hendak diwujudkan di bawah Rang Undang-undang ini semata-mata kerana peruntukan Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan itu memberikan hak dan kuasa mereka berbuat demikian. Jika inilah yang akan berlaku semata-mata kerana Kerajaan-kerajaan Negeri hendak menjaga kepentingan-kepentingan tertentu mereka dan sekiranya tiap-tiap negeri mengambil sikap yang sedemikian sudah tentulah objektif dan matlamat Rang Undang-undang ini tidak akan bererti lagi dan tidak akan berjaya dicapai.

Bagi memastikan penerimaan-pakai Akta ini dengan kadar yang segera dan bagi memastikan terus kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, saya sukalah mencadangkan supaya pihak berkuasa Pusat yang berkenaan menyusul dan merundingkan perkara

ini secara yang bersistematis dan berkesan, dan sebaik-baiknya kita patut berunding dengan Kerajaan negeri supaya mereka dapat meluluskan Enakmen mereka dengan serentak seberapa praktikalnya supaya kuatkuasanya boleh berjalan serentak pula di seluruh negara.

Saya memberikan perhatian yang berat dan khusus terhadap aspek ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan bahawa penggubalan dan pembentangan Rang Undang-undang ini di Dewan ini untuk digunapakai seluruhnya telah mengambil masa yang terlalu lama sebagaimana yang telah saya katakan. Kita tahu bahawa penggubalan draf awal Rang Undang-undang ini telah pun dimulakan dalam tahun 1974 tetapi hanya baru dalam bulan Mac, 1984 draf akhirnya diluluskan oleh Majlis Perhutanan Negara dan akhirnya pada bulan September, 1984 diluluskan oleh Majlis Tanah Negara.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, kita memang mahu segera menguatkuasakan Akta ini di semua negeri bagi mewujudkan kuasa undang-undang terhadap perlaksanaan Negara yang telah kita terimapakai itu. Adalah penting pada pandangan saya pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar Perhutanan Negara disokong oleh Akta Perhutanan Negara ini dengan seberapa segeranya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan draf awal Rang Undang-undang ini yang menjadi asas kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan ini telah dibuat dalam tahun 1974 lagi iaitu 10 tahun yang lalu dan setelah meneliti Rang Undang-undang ini pada keseluruhannya, satu isu, satu persoalan menjadi tanda tanya kepada saya dan rasanya kita memang perlu diyakinkan oleh pihak yang berkenaan terhadap persoalan ini.

Soalnya ialah adakah peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini sebenarnya dan sepenuhnya memenuhi dan menepati keadaan masalah-masalah serta keperluan-keperluan pentadbiran, pengurusan, pemeliharaan dan perhutanan negara pada masa ini; dan terlebih penting lagi bagi suatu jangka masa yang akan datang.

Sebagai satu sahaja contohnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah peruntukan-peruntukan berhubung dengan penalti sebagai misalnya penalti ke atas berbagai kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan Fasal 81 (1) sebagaimana ditetapkan dalam Fasal 81 (2) adalah benar-benar mencukupi dan memadai dan boleh meninggalkan kesan deterrent yang diharapkan.

Hasil hutan terutamanya kayu-kayan umumnya adalah suatu hasil yang lucrative, kerosakan ke atas hutan dan kayu-kayan bukan sahaja boleh menghilangkan hasil dan merugikan malah melibatkan kos pemulihan yang tinggi dan memakan masa yang panjang untuk dipulihkan.

Di samping itu kejadian-kejadian kecurian dan mencuri kayu-kayan dan penebangan secara yang tidak terkawal secara indiscriminate cutting, seringkali berlaku yang melibatkan kerugian berpuluh-puluh malah juga beratus-ratus juta ringgit.

Dengan hal yang demikian itu dan di atas pertimbangan-pertimbangan inilah saya mempersoalkan sama ada peruntukan-peruntukan penalti sebagaimana dalam Fasal 81 (2) itu adalah memadai atau sebaliknya.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 81 (b) memperuntukkan:

“81 (b) Melainkan jika dibenarkan di bawah Akta ini tiada seorang pun

boleh dalam hutan simpanan kekal menebang, memotong.....dll atau merosakkan dengan api atau selainnya atau memindah mana-mana pokok atau kayu”.

Fasal 81 (2) (b) pula memperuntukkan denda bagi kesalahan ini iaitu suatu denda yang tidak lebih dari \$2,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau keduanya sekali. Peruntukan penalti begini pada pandangan saya dan berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan yang saya sebutkan tadi adalah tidak memadai. Penalti-penalti pada pandangan saya hendaklah berpadanan atau commensurate dengan kerugian-kerugian dan bukan sahaja kos-kos malah nilai kayu-kayan yang dirosakkan atau dicuri. Dan perhatian yang lebih serius hendaklah diberikan terhadap kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan jenis-jenis kayu yang dianggap makin pupus di negara ini misalnya kayu cengal.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan-peruntukan tentang pengwujudan, pengkelasan dan pengeluaran kawasan-kawasan tanah daripada hutan simpan kekal. Saya bersetuju bahawa pengwujudan pentadbiran dan pemeliharaan hutan simpan kekal ini bagi tujuan ekonomi, perlindungan tanah, alam sekitar dan perlindungan hidupan liar, pelajaran dan penyelidikan serta juga tujuan-tujuan rekreasi adalah sangat penting. Malah, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat menggesa agar pelaksanaan pengwujudan hutan-hutan simpan kekal ini hendaklah disegerakan lagi.

Apa yang hendak saya bangkitkan di sini dan apa yang mendukacitakan saya dalam hal ini ialah tentang kendalaan-kendalaan dan masalah yang dihadapi di dalam mewujudkan kawasan-kawasan hutan

simpan di negara ini pada keseluruhannya. Daripada 4.75 juta hektar hutan simpan yang dimatlamatkan bagi tahun 1984 hampir separuh daripadanya sebenarnya belum dilaksanakan. Masalah kegendalaan ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor pentadbiran tetapi khususnya disebabkan oleh masalah kegendalaan kerja-kerja ukur kawasan-kawasan hutan simpan yang dicadangkan itu.

Kerja-kerja ukur kawasan-kawasan hutan adalah dilaksanakan oleh dua pihak iaitu oleh Jabatan Ukur Malaysia dan jurukur-jurukur berlesen swasta. Saya mendapat maklum bahawa kerja-kerja ukur oleh kedua-dua pihak ini sememangnya menghadapi masalah-masalah kegendalaan. Tetapi apa yang lebih suka saya bangkitkan dengan lebih khusus lagi sebagai isunya di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang kegendalaan dan sikap jurukur-jurukur berlesen swasta yang diberikan kerja-kerja ukur sempadan kawasan-kawasan cadangan hutan simpan kekal ini.

Sebagai contoh, di negeri Terengganu, sejak tahun 1978 kerja-kerja ukur sempadan kawasan-kawasan hutan kekal sepanjang 1,349 kilometer telah diserahkan kepada jurukur-jurukur berlesen dan sehingga ini hanya 772 kilometer ataupun 57% sahaja yang telah disiapkan dan dengan beberapa buah syarikat jurukur yang langsung belum memula kerja-kerja mereka sejak tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi kerja-kerja ukur ialah supaya pelanggan-pelanggan yakni Kerajaan-kerajaan Negeri menjelaskan bayaran-bayaran fee ukur dengan sepenuhnya kepada Lembaga Jurukur Malaysia sebelum kerja-kerja ukur dilaksanakan dan 10% daripada fee ini dijelaskan kepada syarikat jurukur yang

berkenaan sebagai bayaran deposit. Isunya di sini ialah bahawa kegendalaan menjalankan kerja dan sikap yang kurang bertanggungjawab jurukur-jurukur berlesen ini bukan sahaja mengendala dan menggagalkan pelaksanaan kawasan-kawasan hutan simpan kekal tetapi juga merugikan kewangan Kerajaan.

Di negeri Terengganu lagi, misalnya, lebih kurang suku juta wang Kerajaan yang dibayar untuk kerja-kerja ini adalah terlibat dengan kes yang sedemikian yang sepatutnya kerja-kerja ukurnya dijalankan sejak tahun 1978 lagi yang sehingga sekarang pun belum dilaksanakan.

Memandangkan masalah ini dan memandangkan sikap serta amalan kurang beretikad setengah-setengah syarikat jurukur-jurukur berlesen ini saya menggesa pihak Lembaga Jurukur Malaysia yang bertanggungjawab terhadap pengawalan terhadap jurukur-jurukur berlesen di negara ini supaya mengambil tindakan-tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan. Adalah penting bagi Lembaga ini memikul tanggungjawabnya juga dengan berkesan bagi memastikan sikap dan amalan yang sihat di kalangan jurukur-jurukur dan turut berkongsi memikul dan menyelesaikan masalah-masalah yang telah saya bangkitkan demi kepentingan negara dan kepentingan perniagaan serta profesionalisma mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini di antara lainnya adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan-kepentingan negara dan negeri-negeri di dalam bidang perhutanan dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang, dan ini adalah disebabkan kepentingan-kepentingan hutan sebagai suatu sumber ekonomi dan lain-lain. Beberapa Kerajaan Negeri

sebenarnya adalah sangat bergantung kepada sumber-sumber hasil hutan sebagai hasil negeri. Hakikat ini adalah jelas sebagaimana peruntukan Fasal 14 Rang Undang-undang ini yang di antara lain menyebut saya quote Tuan Yang di-Pertua:

“Segala hutan yang berada, terletak, tumbuh atau berasal dalam hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan hendaklah menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri . . . .”.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka membangkitkan suatu isu di mana penggunaan kawasan-kawasan hutan di negeri-negeri oleh Kerajaan Pusat bagi projek-projeknya boleh memberi kesan kepada hasil Kerajaan-kerajaan Negeri dan boleh menimbulkan sensitiviti terhadap perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Secara khususnya saya sekali lagi suka hendak menyentuh kes yang berlaku di negeri Terengganu tentang penggunaan kawasan-kawasan hutan bagi tujuan mengadakan projek-projek hidro-elektrik di mana beratus-ratus ribu ekar kawasan hutan adalah terlibat untuk kawasan tadahan yang terpaksa ditenggelami air.

Bagi projek hidro-elektrik Kenyir, Terengganu, misalnya, kira-kira 90,000 ekar kawasan hutan telah digunakan bagi tujuan ini. Saya menyedari umumnya kayu-kayu di dalam kawasan terlibat telah pun dikeluarkan sebelum kawasan-kawasan ini ditenggelami air. Sungguhpun ada dikatakan tidak semua kayu-kayu sempat dikeluarkan dan ini menimbulkan kerugian kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah oleh kerana kawasan hutan merupakan sumber dan potensi sumber hasil Kerajaan Negeri, tidakkah wajar pada

pandangan Kerajaan Pusat membayarkan suatu pampasan yang sepatutnya kepada Kerajaan Negeri sebagai gantirugi yang diakibatkan untuk penggunaan kawasan hutan bagi tujuan yang demikian itu.

Saya berpendapat walau apapun justifikasi terhadap projek hidro-elektrik yang dilaksanakan di manamana sahaja di dalam negara ini, hakikat kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah sangat jelas dan sangat besar, lebih-lebih lagi jika dipandang dari segi potensi kawasan-kawasan berkenaan digunakan untuk tujuan-tujuan alternatifnya terutamanya dalam jangka panjang. Dalam penggunaan kawasan hutan untuk projek hidro-elektrik Kenyir, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengalami beberapa kerugian yang berhubung dengan penggunaannya seperti kehilangan kegunaan dan potensi kegunaan tanah, potensi mendapatkan hasil hutan di masa akan datang, kesan-kesan ekonomi ke atas negeri dan khususnya kerugian ke atas baki balak, kayu-kayan dan hasil-hasil hutan yang lain, yang ditenggelami air. Adalah dianggarkan kerugian hasil akibat kehilangan hasil baki balak yang ditenggelami air sahaja adalah berjumlah dalam lingkungan \$35 juta dan kerugian ini sepatutnya di tampung oleh Kerajaan Pusat melalui agensi yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perundingan-perundingan antara Kerajaan Terengganu dengan pihak-pihak berkuasa Kerajaan Pusat dalam hal ini belumlah lagi menandatangani suatu keputusan muktamad di mana terdapat “hesitation” dari Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Pusat bagi memenuhi tuntutan-tuntutan Kerajaan Negeri Terengganu dalam hal-hal yang berhubung dengan perkara ini. Saya berharap perkara ini akan dapat diselesaikan dengan segeranya dan tidak patutlah dilengahkan lagi. Sikap yang kurang

responsif terhadap hak-hak dan kepentingan-kepentingan negeri beginilah yang boleh menegangkan atau menimbulkan masalah perhubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dan saya bertanya mungkinkah di atas pertimbangan dan sebab-sebab yang sedemikian jugalah sebenarnya Kerajaan Negeri Pahang telah menolak rancangan hidro-elektrik Tembeling tidak lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mempersoalkan tentang penggunaan kawasan-kawasan hutan secara besar-besaran di sesuatu kawasan ataupun tempat bagi tujuan projek hidro-elektrik ini. Saya membangkitkan persoalan ini oleh kerana saya bukan sahaja bimbang terhadap kemusnahan kawasan hutan itu sendiri, tetapi terlebih pentingnya saya merasa bimbang tentang kesan-kesan buruknya kepada alam sekitar akibat penggunaan-penggunaan artificial kawasan-kawasan tersebut.

Saya mendapat tahu bahawa sebanyak dua lagi cadangan projek hidro-elektrik telah dicadangkan dan telah dikaji untuk diadakan di kawasan Kenyir pada masa ini, yang akan melibatkan kawasan hutan lebih kurang 30,000 ekar lagi. Jika ini akan dilaksanakan bererti bahawa 120,000 ekar kawasan hutan di kawasan ini akan ditenggelami air dan hilang potensi sumber hasilnya kepada Kerajaan Negeri di samping lain-lain kesan alam sekitar dan eco-system sudah tentunya. Dengan hal yang demikian itu saya adalah mempersoalkan kebijaksanaan (wisdom), Tuan Yang di-Pertua, kita menumpukan projek-projek hidro-elektrik di suatu tempat sebagaimana yang hendak dilaksanakan di kawasan Kenyir ini dan saya menggesa supaya perkara ini dikaji dengan teliti setelitinya dan dengan penuh ketelitian, dengan mendalam serta

penuh tanggungjawab bukan sahaja dari kacamata projek dan agensi yang berkenaan semata-mata dan terutamanya, tetapi yang terlebih penting lagi dari kacamata kepentingan-kepentingan perhutanan dan pihak-pihak yang lain.

Saya ingin tahu apakah sikap dan pandangan-pandangan Jabatan Hutan itu sendiri di dalam hal ini dari kacamata kepentingan perhutanan dan hal-hal yang berhubung dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh aspek-aspek penguatkuasaan sebagaimana diperuntukkan di dalam Bab 8 Rang Undang-undang ini. Penguatkuasaan, kawalselia, pentadbiran, pengurusan dan pembangunan perhutanan memanglah tersangat penting memandangkan bukan sahaja perlunya kita memastikan pelesen-pelesen memenuhi syarat-syarat lesen dan menjaga keselamatan hutan, malah yang lebih-lebih lagi bagi mengelak kegiatan-kegiatan haram seperti kecurian balak yang memang diketahui seringkali berlaku dan kadangkalanya berlaku secara besar-besaran terutamanya di kawasan-kawasan terpencil. Apa yang diperlukan untuk meningkatkan penguatkuasaan hutan pada pandangan saya bukanlah sahaja kuasa-kuasa dan acara-acara perundangan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini, tetapi juga pada pandangan saya dan terlebih penting lagi ialah soal keupayaan dan sokongan lojistik dan kemudahan-kemudahan untuk meningkat dan memperkesakan lagi langkah-langkah serta usaha-usaha penguatkuasaan oleh Jabatan berkenaan. Tidak berapa lama dahulu telah berlaku satu kes kecurian balak bernilai berpuluh-puluh juta di kawasan hutan Ulu Terengganu

bersempadan dengan Pahang. Saya mendapat tahu bahawa salah satu sebab kes ini tidak dapat dikesan dan diatasi segera ialah kerana masalah "accessibility" yang menyebabkan langkah-langkah kawalselia dan pembenterasan tidak dapat diadakan.

Dengan hal yang demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, dan jika ini adalah betul, saya berpendapat langkah-langkah segera perlulah diambil untuk merancang dan melaksanakan suatu sistem "network" ataupun rangkaian jalan yang bertujuan untuk mewujudkan dan memperbaiki lagi "accessibility" ke seluruh kawasan-kawasan hutan kita bagi membolehkan kawalseliaan yang menyeluruh dan berkesan ke atas kawasan-kawasan hutan di seluruh negara.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya Jabatan Hutan memikirkan untuk mengadakan satu unit perkhidmatan helikopternya sendiri untuk mengadakan rondaan-rondaan dan kawalseliaan dari udara bagi mengesan kegiatan-kegiatan haram ke atas kawasan-kawasan hutan kita dan lain-lain tujuan yang berkehendakkan kepada kesegeraan, keutamaan, seperti keselamatan kakitangan, terutamanya di musim banjir dan lain-lain. Dengan itu juga pada pandangan saya tugas-tugas kawalseliaan dan penguatkuasaan perhutanan di negara ini bukan sahaja akan menjadi lebih senang dan berkesan tetapi juga akan menjadi kurang "hazardous".

Di samping itu juga, saya berharap supaya aspek-aspek kawalan dalam Jabatan dan Pejabat-pejabat Hutan itu sendiri hendaklah diberi perhatian serius dan tidak boleh dipandang ringan. Dokumen-dokumen rahsia dan penting perlunya dijamin terkawal sepenuhnya, termasuk pelan-pelan kawasan-kawasan hutan yang masih rahsia dan perkara-perkara berhubung dengan tender-tender kawasan-kawasan yang hendak dikeluarkan.

Saya menyebut perkara ini kerana adanya rungutan, walaupun tidak banyak dan juga kes-kes segelintir kecil kakitangan Jabatan dan Pejabat-pejabat Hutan sendiri yang terlibat dengan pakatan-pakatan dalam tender-tender kawasan hutan dan kegiatan kecurian balak dan lain-lain. Saya sebenarnya merasakan amat penting bahawa kakitangan Jabatan dan Pejabat-pejabat Hutan membersihkan diri mereka daripada imej yang kurang baik yang menjadi anggapan ramai semata-mata disebabkan oleh segelintir kakitangannya yang tidak bertanggungjawab yang menyeleweng dan rasuah.

Tanggungjawab perhutanan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berat malah juga sensitif dan banyak cabaran-cabarannya. Jabatan dan Pejabat-pejabat Hutan bukan sahaja perlu meningkatkan prestasinya malah yang tidak kurang pentingnya juga sentiasa menjaga "public imagenya" dengan menghapuskan sebarang "adversed public opinion", dengan izin, terhadap Jabatan tersebut. Sama ada "adversed public opinion" ini betul ataupun tidak, tidaklah penting, yang pentingnya ialah bagi kita menyedari bahawa kita hanya akan dapat membujuk penghormatan dan keyakinan umum terhadap kita melalui bukti-bukti dan perbuatan kita sendiri. Penghormatan dan keyakinan bukanlah sesuatu yang boleh didapati melalui paksaan ataupun dibeli.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan saya mengucapkan terima kasih.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Pekan.

5.24 ptg.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam

membahaskan Rang Undang-undang Perhutanan Negara 1984 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Kesempatan ini saya ambil untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana berjaya untuk membawa Rang Undang-undang ini ke Parlimen guna dibahas, dilulus dan seterusnya ianya akan dijadikan suatu Akta digunakan pakai di seluruh negara.

Dalam saya menyokong kuat di atas Rang Undang-undang ini haruslah kita beri kepada Ahli-ahli Parlimen memperkatakan sesuatu bagi faedah kita bersama dan mempertimbangkan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang diberi dalam Dewan ini. Walaupun Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977 telah mempersetujui bahawa Enakmen-enakmen Hutan Negeri dikaji semula untuk diseragamkan, ia memakan masa begitu lama untuk digubal, bahkan ianya bermula sejak tahun 1974 lagi. Hasil daripada dedikasi yang ditunjukkan oleh Pegawai-pegawai Perhutanan di Kementerian dan Negeri dan juga suara-suara orang ramai yang memerlukan suatu Akta yang seragam, maka pada hari ini telah berjaya dan cita-cita mereka menjadi kenyataan.

Kita sedar bahawa Rang Undang-undang ini digubal mengikut Perkara 76 (1) (b) Perlembagaan Malaysia yang membolehkan Parlimen membuat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara Negeri bagi maksud menjalankan persamaan undang-undang bagi Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini. Kita juga sedar bahawa di bawah Perlembagaan, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan sesuatu Akta mengenainya dibuat di Parlimen dan bagi digunapakai di Negeri-negeri, perlulah diluluskan oleh

Dewan Perundangan Negeri-negeri dan menjadi Enakmen Perhutanan Negeri. Menseragamkan Enakmen-enakmen Perhutanan Negeri yang ada sekarang ini adalah suatu langkah yang bijak dan harus disanjung oleh kerana ianya tidak seragam, berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di Negeri-negeri seperti Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak, Negeri-negeri Bersekutu, enakmennya sama iaitu Enakmen Perhutanan Negeri Melayu Bersekutu 1934 Bab 153 dan bagi Negeri Kelantan ianya mempunyai Enakmen Perhutanan Kelantan, iaitu Kelantan Enakmen 4/1939, begitulah seterusnya di negeri-negeri lain.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 27 tahun lalu sejak itulah kita merancang dan membangunkan negara kita mengikut suara rakyat. Dalam kita mengisi kemerdekaan kita telah membuka banyak rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, RISDA dan rancangan-rancangan pertanian yang lain tak dapat tidak hutan belantara yang tebal-tebal diterangkan dan kayu-kayu yang berharga dijual bagi mendatangkan hasil kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Dengan adanya Akta Perhutanan Negara yang baru ini saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan mengawasi penebangan kayu-kayu agar tidak ditebang dengan sewenang-wenangnya seperti yang ada pada masa ini. Ini membolehkan memberi pengeluaran hasil kayu yang berkekalan, tidak lagi seperti dahulu arahan-arahan yang dibuat oleh pihak Jabatan Hutan tidak dipedulikan oleh para-para kontraktor sekalian. Yang saya suarakan di sini ialah bahawa denda-denda yang tinggi hendaklah dikenakan supaya melarang daripada kontraktor-kontraktor ini merosakkan hasil-hasil perhutanan. Oleh perancangan khusus dan teliti tidak

dibuat, maka terdapat rancangan-rancangan tanah besar-besaran telah dilaksanakan di seluruh negara. Apa yang ketara sekali ialah kita telah kehilangan punca-punca air oleh kerana banyaknya hutan telah ditebang untuk tujuan-tujuan tertentu.

Saya mencadangkan bahawa satu kajian dibuat supaya hutan-hutan yang tebal tidak lagi ditebang jika ia menjejaskan punca-punca air yang sedia ada dan hutan-hutan simpan kekal ditambah lagi dari apa yang ada sekarang, iaitu sebanyak 2 juta hektar lebih kepada 6 juta hektar.

Akhir kata, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

5.30 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di dalam perbahasan ini bagi membicarakan satu Akta iaitu mengenai Perhutanan Negara 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dari gambaran yang telah diberikan mengenai jualan-jualan dan pengeluaran bahan-bahan hasil-hasil hutan daripada tahun 1960, 1970 dan 1980 menggambarkan kepada kita bahawa suatu keadaan pertambahan hasil negara dan juga sedikit sebanyak telah pun membantu di dalam usaha untuk memberikan pekerjaan kepada sebilangan besar ahli-ahli masyarakat di negara ini.

Dari jumlah yang diberikan menunjukkan di dalam tahun 1960 bahawa sebanyak 22,000 hektar telah dibuka ataupun dibalak. Ianya bertambah lagi dalam tahun 1970 sebanyak 60,000 hektar dan 1980 sebanyak 240,000 hektar. Pertambahan-pertambahan ini

menunjukkan bahawa terdapat kelonggaran kepada beberapa peraturan yang terdahulu daripada itu.

Saya menganggapkan bahawa sudah terlambat masanya bahawa Akta ataupun Undang-undang yang dibawa pada hari ini malahan sepatutnya ia telah boleh dibawa pada tahun 1960 dahulu bagi mengawal keadaan hutan negara kita yang semakin berkurangan ini. Walau macam mana pun, walaupun telah terlambat pada pandangan saya tetapi ianya masih lagi boleh dipergunakan sebagai unsur kawalan kepada hutan-hutan yang masih tinggal.

Daripada kajian yang telah dibuat oleh saya sendiri dalam Undang-undang ini menunjukkan bahawa tujuan Rang Undang-undang ini adalah bagi mengekalkan hutan simpanan yang sedia ada, yang keduanya, bagi mengawal kawasan hutan simpanan dan yang ketiganya, bagi mengadakan kawasan hutan simpanan yang baru. Dengan beberapa peraturan dan Undang-undang yang telah dibuat di dalamnya maka kita dapati suatu bentuk ataupun suatu Kumpulanwang Pembangunan Hutan iaitu mengikut seksyen 56 dan 57 akan dibentuk bagi mengawasi perkara-perkara ini. Ahli-ahlinya yang telah pun disebutkan terdiri daripada setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan juga Pengarah Hutan Negeri.

Di dalam pelaksanaan ataupun merujuk kepada seksyen 58 tujuan kumpulanwang ini ianya bolehlah memberi penjelasan kepada kita bahawa Kerajaan memang benar-benar untuk mengendalikan ataupun untuk mengekalkan kawasan hutan simpanan ini dengan cara yang sebaik-baiknya. Antaranya pihak Kerajaan telah pun menggariskan iaitu bagi menyediakan rancangan-rancangan pengurusan hutan di negeri-negeri, yang keduanya, menyediakan ataupun

melaksanakan rancangan-rancangan penghutan semula, mengkaji semula rancangan-rancangan penghutan negeri dan rancangan-rancangan penghutan semula dan menyediakan program hutan-hutan lipur.

Pada pandangan saya peraturan-peraturan yang dibuat ini seperti saya katakan awal tadi perlulah dibuat terlebih awal kerana keadaan hutan balak yang ada sekarang ini bukanlah lagi sebagai hutan balak, hutan dara, yang dimaksudkan malahannya telah diterokai sama ada secara halal ataupun haram. Kawasan-kawasan hutan sebahagian daripadanya telah gondol, digondolkan dengan rakusnya oleh sebilangan orang ataupun orang-orang sama ada dengan kesedaran Kerajaan ataupun tidak, ini tidak menjadi persoalan malahan perkara ini telah pun berlaku. Mereka ini telah tidak menimbang hal ehwal ataupun unsur-unsur alam semula jadi yang menjadi sebagai satu faktor kehidupan manusia, yang keduanya, mereka ini tidak juga menghiraukan kepentingan kehidupan manusia iaitu dengan secara langsung ataupun tidak langsung telah mematikan punca-punca air yang mustahak, yang telah juga mematikan kawasan tadahan yang begitu perlu kepada manusia di zaman ini.

Di dalam usaha untuk mewujudkan kawasan hutan simpanan kekal, langkah Kerajaan ialah dengan mewujudkan kawasan simpanan kekal ini melalui pengisytiharan yang akan dibuat di dalam Warta Kerajaan bagi negeri-negeri seperti mana mengikut dalam seksyen 9. Kerajaan juga boleh mengambil ataupun tindakan membuat pengambilan bagi mewujudkan kawasan hutan simpanan yang baru.

Saya hendak menyatakan keraguan saya di dalam usaha Kerajaan yang baik ini sama ada perkara ini boleh

dilakukan atau tidak, telah banyak kali Ahli-ahli Dewan ini telah menyuarakan kepada Kerajaan bagi menggantikan kawasan-kawasan Tanah Resab Melayu yang diambil untuk pembangunan tetapi sehingga hari ini tidak satu pun kawasan itu diganti semula. Ini pula diadakan di dalam peruntukan ini bagi membuat pengambilan, membuat acquisition, dengan izin, untuk menambah hutan simpanan.

Pertamanya, keraguan saya yang disebutkan tadi iaitu bolehkah Kerajaan mengambil? Mengikut peraturan ini boleh, tetapi sama ada keupayaan itu boleh dibuat ataupun tidak. Yang keduanya, adakah lagi kawasan-kawasan yang boleh ditakrifkan sebagai hutan bagi negeri-negeri tertentu kalau sekiranya kita hendak mengadakan hutan simpanan yang baru.

Seperti negeri Kedah misalnya hampir pupus, hampir luput hutan-hutan yang ada. Hendak diadakan pengambilan mungkin kita akan jumpa satu padang rumput ataupun satu tanah yang telah gondol yang ditanam dengan ubi kayu ataupun pokok-pokok seperti mana pokok kelapa sawit yang pernah disuarakan oleh rakan saya dari Matang tadi. Ini keraguan saya sama ada di dalam Rang Undang-undang ini kita boleh buat ataupun tidak.

Di samping itu, saya dapati banyakkah sekatan-sekatan baru yang dikenakan kepada orang-orang yang akan memasuki hutan mengeluarkan bahan hutan dan sebagainya. Saya berharap supaya penguatkuasaan oleh Jabatan Hutan mestilah dipertingkatkan. Daripada pengalaman-pengalaman yang telah lalu menunjukkan bahawa penguatkuasaan ini terlalu kurang. Boleh jadi pihak Timbalan Menteri akan menjawab bahawa kita kekurangan tenaga untuk mengawasi

kawasan yang sebegitu luas. Itu bukanlah menjadi persoalan yang pokok, soalnya sama ada kita itu ikhlas di dalam menjalankan tugas kita seperti mana yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, keikhlasan di dalam menjalankan tugas itu, inilah pokok utama yang saya rasa akan menjadi satu pegangan kepada kita semua di dalam usaha untuk menjalankan ataupun menyokong Kerajaan yang sekarang ini dikira sebagai Kerajaan yang masih lagi Bersih, Cekap dan Amanah.

Begitulah juga dengan keadaan mencuri balak yang biasanya berlaku, tidak susah untuk mencuri balak. Misalnya satu kawasan A diberikan kepada satu orang pengusaha yang boleh jadi 200 ekar kawasannya, dia akan menebang pokok di kawasan luar dan menarik masuk di dalam kawasan yang diberikannya dan mengeluarkan melalui kawasannya itu. Cukup mudah, sebab di dalam hutan siapa yang hendak pergi lihat mereka ini menebang. Tidak ada orang, tidak renjer yang akan menunggu penebangan tiap-tiap pokok yang hendak ditarik keluar, tidak ada. Saya yakin perkara ini mungkinlah tidak secara logiknya tidak akan dibuat untuk menunggu pengusaha-pengusaha bagi menebang pokok-pokok yang telah pun diberikan kepada pengusaha-pengusaha itu.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyebutkan di sini ialah mengenai kawasan yang mungkin dicabut keluar dari kawasan hutan simpanan yang saya sebutkan tadi perlu diganti oleh beberapa perkara yang antaranya untuk melakukan beberapa penyelidikan seperti mana yang disebutkan di dalam seksyen 34 perkara ini boleh dicabut keluar tetapi di samping itu perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah melalui seksyen 16 dan 34 (1) ialah mengenai perkara kebenaran. Kebenaran ini

disebutkan, yang pertamanya mengambil hasil hutan. Perkara itu memanglah tidak menjadi masalah, tidak menimbulkan persoalan kerana kita semua telah faham bahawa hasil hutan itu ialah hasil negara yang perlu dilesenkan dan orang-orang yang tertentu mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Perkara yang kedua, iaitu menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas tanah-tanah hutan simpan kekal dengan cara permit penggunaan. Inilah yang saya sebutkan tadi termasuk di dalam seksyen 34. Caranya itu telah disebutkan tender, perjanjian dan apa-apa cara yang patut difikirkan oleh Kerajaan.

Saya hendak mengatakan di sini bahawa sudahkah pihak Kerajaan berbincang sesama sendiri terutamanya dengan Jabatan Tanah, kerana soal tanah adalah di bawah kuasa Pejabat Tanah, pokok yang tumbuh di atasnya adalah kepunyaan Jabatan Hutan. Jika Jabatan Hutan juga mempunyai kuasa untuk memberikan hak mengerjakan tanah, ianya telah bertentangan dengan Kanun Tanah Negara. Pihak Pejabat Tanah melalui Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kebenaran untuk menduduki tanah dengan lesen menumpang sementara ataupun T.O.L.

Ini adalah hak yang termaktub mengikut peraturan-peraturan di dalam peraturan Kanun Tanah Negara bukanlah menjadi hak Jabatan Hutan untuk membenarkan seseorang itu mengerjakan tanah di kawasan-kawasan tertentu yang dicatatkan sebagai kawasan hutan simpan. Ini bermakna di dalam proses pemberian itu mestilah ada suatu kata sepakat atau pandangan-pandangan daripada jabatan-jabatan yang berkaitan di dalam usaha untuk membenarkan seseorang itu mengusahakan tanah. Jadi saya berharap di dalam perkara ini

supaya pihak Kerajaan dapat meneliti supaya ianya tidak bercanggah dengan undang-undang yang sedia ada iaitu Undang-undang Kanun Tanah Negara ini.

Perkara yang ketiga dan perkara yang seterusnya ialah mengenai dalam Seksyen 20 iaitu mengenai pemberian lesen. Di dalam pemberian lesen ini telah disebutkan bahawa pihak pemohon mestilah menyediakan rancangan pengurusan tanah atau rancangan mengusahakan hutan ataupun rancangan mengusahakan hasil hutan. Yang keduanya rancangan perhutanan semula. Jadi apa yang saya hendak cakapkan di sini ialah mengapa kita minta pemohon untuk mengemukakan rancangan perhutanan semula ataupun untuk menanam semula, misalnya pada hal peraturan itu perlulah diberi oleh Kerajaan, perlu diberi oleh Jabatan Hutan, keperluan-keperluan apakah yang dikehendaki di dalam peruntukan ini, Kerajaan mesti mengumumkan asasnya sama ada hendak ditanam semula, pokok yang tidak boleh ditebang ataupun pokok yang perlu ditanam semula, bukan pemohon.

Jika sekiranya pemohon itu yang diminta, mungkin berkali-kali ia akan mengemukakan permohonan dan pandangan-pandangan perhutanan semulanya tidak akan dipersetujui oleh pihak Pengarah Negeri, ianya akan merugikan masa pemohon dan juga akan merugikan masa pegawai yang menjalankan tugas.

Dengan ini saya rasa pihak Kerajaan—Jabatan Hutanlah yang perlu merangka program perhutanan semula ini, berikan kepada pemohon yang telah diluluskan permitnya untuk menjalankan sama ada ia perlu menanam semula pokok ataupun jenis pokok balak yang perlu ditanam semula bukan pemohon yang kita minta untuk membuatkan ini semua.

Perkara yang seterusnya yang hendak saya sebutkan di sini ialah mengenai Seksyen 28 iaitu mengenai lesen kecil yang disebut apa-apa hasil utama yang tidak melebihi 70 meter padu atau mana-mana hasil kecil hutan dari hutan simpan dan kekal dan tanah Kerajaan. Ini disebutkan, cuma jumlah padu bagi hasil hutan yang dikeluarkan daripada hutan simpan Kerajaan iaitu hasil utama, hasil utama ini pada pandangan saya ialah balak semata-mata. Jadi dalam perkara ini melalui Seksyen 20 ini perlulah disenaraikan hasil-hasil utama hutan dan hasil-hasil kecil hutan supaya pemohon dapat menjeniskan apabila telah melihat daripada senarai hasil hutan maka dengan itu jelas baginya hasil utama ataupun hasil kecil supaya mereka ini tidak lagi teragak-agak untuk membuat permohonan.

Dan perkara yang terakhir saya amat bersetuju dalam usaha Kerajaan untuk membenarkan orang-orang yang diberi permit dalam menjalankan usaha hutan ini untuk membina infrastruktur di dalamnya bagi membolehkan, bagimemudahkan usaha-usaha perhubungan penyeliaan-penyeliaan yang akan dibuat kemudian dan mengikut ini juga nampaknya bukanlah Jabatan Kerjaraya sahaja yang boleh memungut tol tetapi di dalam hutan pun kita boleh mendapat pondok tol yang kita kena bayar kalau mengikut Rang Undang-undang ini. Dengan itu saya menyokong Akta Perhutanan Negara 1984.

**Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:**  
Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.45 ptg.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahaskan Akta Perhutanan Negara 1984 dengan mengucapkan tahniah kepada

Kerajaan yang telah berjaya menggubal dasar perhutanan negara yang menjadi garis panduan bagi menentukan pengurusan hutan-hutan, pelaksanaan usaha-usaha pembangunan, pemuliharaan dan menghutan semula kawasan-kawasan hutan berhasi, hutan perlindungan dan hutan lipur.

Akta Perhutanan Negara 1984 adalah penting kerana ianya mengemaskini dan mensekukan enakmen-enakmen hutan negeri-negeri untuk dipakai oleh semua negeri di Malaysia. Langkah ini sangatlah wajar memandangkan bahawa negara kita telah 27 tahun merdeka maka sudah tiba masanya berbagai Akta yang berasingan diseragamkan demi kemajuan industri berkaitan yang berhadapan dengan kemajuan dan perkembangan teknologi di mana Enakmen-enakmen Hutan yang digunakan sekarang tidak lengkap dengan peruntukan yang boleh mengawal pengurusan dan pembangunan hutan dengan berkesan.

Setelah meneliti Akta Perhutanan Negara 1984 didapati dilengkapi dengan peruntukan-peruntukan bagi pentadbiran, penyelarasan dan pengeluaran kawasan tanah bagi hutan simpan kekal, pengurusan dan pembangunan hutan, pelesenan, penguatkuasaan, royalti dan premium serta pelbagai kesalahan dan penalty.

Dalam dasar Perhutanan Negara terdapat tiga kategori hutan mengikut cara penggunaan tanah yang sempurna iaitu hutan perlindungan adalah bagi menjamin iklim dan rupabumi yang sempurna, bekalan air yang bersih, kesuburan tanah dan keadaan alam sekeliling yang memuaskan serta mengurangkan akibat banjir dan hakisan tanah serta sungai dan juga tanah-tanah pertanian.

Hutan berhasi adalah dirancang dengan pembangunan moden bagi

menjamin pengeluaran hasil keluaran hutan yang baik dengan kayu-kayu yang tinggi mutunya seperti cengal, belian dan beberapa jenis yang lain, juga rotan-rotan yang baik yang mendatangkan hasil yang lumayan.

Hutan lipur yakni kawasan bagi tujuan beristirahat, pendidikan dan penyelidikan serta memelihara tumbuh-tumbuhan dan mergastua terganjil. Ini adalah penting memandangkan keadaan kemajuan yang ada pada hari ini, maka peruntukan ini mesti diadakan. Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia telah merangkakan dasar-dasar yang meliputi usaha-usaha pembangunan, penyelidikan pembangunan perhutanan dan perusahaan hutan, program latihan perhutanan menggalakkan pedagangan dan perniagaan serta eksport keluaran hutan dan menggalakkan penyertaan Bumiputera yang pesat dalam lapangan perusahaan kayu kayan sejajar dengan dasar Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dalam perkara ini saya sukalah menyatakan bahawa kita menyedari kalau kita hendakkan bumiputera menyertai lapangan perniagaan kayu-kayan misalnya pembalakan, kita tahu bahawa ianya memerlukan modal yang besar. Apabila satu kawasan hutan yang hendak dikeluarkan kita mendapati begitu ramai pemohon dan seringkali didapati kawasan ini dibahagi-bahagikan kecil-kecil iaitu 200 atau 100 ekar bagi satu-satu pemohon atau satu-satu syarikat yang memohon.

(Tuan Yang di-Pertua *mempe-  
ngerusikan Mesyuarat*)

Pada pendapat saya kawasan-kawasan yang kecil seperti ini adalah tidak ekonomik memandangkan jika seseorang bumiputera hendak mula menjadi seorang pembalak ia

memerlukan modal yang begitu besar maka dengan kawasan yang kecil tidak wajar maka sukarlah ianya untuk mengusahakannya sendiri maka terjadilah Ali-baba ataupun kawasan itu dijualkan sahaja kepada sesiapa pengusaha atau pembalak yang telah lama berusaha dalam bidang ini.

Dengan lulusnya Akta Perhutanan Negara 1984 yang saya anggap lengkap serta semua aspek akan dapat melindungi khazanah semula jadi negara yang sangat berharga ini, kerana selama ini perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab dalam pembalakan yang tidak teratur atau menyalahi peraturan-peraturan pembalakan telah merosakkan pemeliharaan hutan, mengancam pembangunan tanah, menjejaskan keadaan alam sekitar serta merosakkan kawasan tadahan air dan dengan itu merosakkan sumber-sumber bekalan air seperti yang telah disuarakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Bab 8 mengenai Kumpulan Wang Pembangunan Hutan—penubuhan Kumpulan wang ini adalah dialu-alukan. Kumpulan wang ini akan dapat menjamin pemuliharaan iaitu perhutanan semula dan program silvi-culture yang diakui penting untuk sumber hasil hutan masa depan.

Pada masa ini saya dapat difahamkan bahawa perhutanan semula ini agak ketinggalan yakni tidak kemas kini. Saya difahamkan bahawa beribu-ribu hektar yang sepatutnya telah ditanam semula tetapi masih lagi belum dibuat demikian. Salah satu sebab seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah tidak mencukupi peruntukan.

Saya berharap dengan adanya Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ini, masalah ini tidak akan

timbul lagi. Mensyaratkan seseorang pembalak yang mendapat kawasan lebih 20,000 hektar mengemukakan program perhutanan semula adalah baik.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda yang mengatakan bahawa program perhutanan semula itu sepatutnya datang daripada Jabatan Hutan sendiri kerana tentulah pembalak-pembalak itu tidak faham kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan tidak mempunyai kepakaran dari segi jenis-jenis pokok-pokok yang hendak ditanam semula itu.

Sungguhpun terdapat dalam Akta Perhutanan 1984 ini kuasa-kuasa yang menghadkan sesiapa masuk ke dalam hutan, menggunakan jalan-jalan hutan, membenarkan atau tidak sesiapa mengambil apa juga hasil hutan, namun mengikut pengalaman di masa lalu, memang terjadi pencurian hasil negara kita, terutama kayu-kayu bakar, kayu jarak, rotan dan lain-lain hasil hutan. Ini telah pun disuarakan oleh beberapa ramai Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi.

Penerokaan tanah hutan simpan memang nampaknya menjadi perkara biasa itu seperti yang dikatakan "menjadi ladang kelapa sawit" apabila ianya di dalam, jauh berbatu-batu tidak kita lihat, maka dengan mudahnya orang-orang yang berani meneroka ini mengusahakannya.

Saya berkata demikian kerana ianya saya lihat sendiri berlaku di dalam negeri Selangor dalam hampir semua daerah. Ini bererti bahawa penguatkuasaan tidak efektif. Maka saya menyeru agar Pasukan Penguatkuasaan yang cekap dan mencukupi diadakan. Kerajaan kerugian begitu banyak hasil akibat kelemahan penguatkuasaan.

Akhir sekali, saya menyetujui Bahagian II di bawah tajuk PENTADBIRAN, Bahagian 5 iaitu Perwakilan kuasa:

5. Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan kepada mana-mana pegawai hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Hutan Daerah perjalanan atau pelaksanaan apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberi atau dipertanggungjawabkan ke atasnya di bawah Akta ini . . . . .;

Begitu juga Perkara 6:

6. Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan kepada Pengarah perjalanan atau pelaksanaan apa-apa kuasa atau kewajipan yang diberi atau dipertanggungjawabkan ke atas Pihak Berkuasa Negeri itu di bawah Akta ini.

Dalam sistem pentadbiran, memang boleh satu-satu pihak menurunkan kuasanya bagi melicinkan perjalanan pentadbiran. Namun saya sangat-sangat berharap perwakilan kuasa itu janganlah dibuat sewenang-wenangnya demi menjaga dan tidak memberi peluang kuasa-kuasa itu disalahgunakan oleh sesiapa juga.

Saya mengatakan rasa kebimbangan ini kerana memang disadari umum bahawa perusahaan perdagangan dan perniagaan serta eksport keluaran hutan adalah bidang perniagaan yang lumayan.

Saya percaya tentulah Kerajaan tidak mahu mendedahkan pegawai-pegawai dan kakitangannya kepada unsur-unsur yang boleh menyebabkan rasuah.

Saya berkata demikian berasaskan kejadian di masa lalu di mana ada kakitangan dan pegawai yang dituntut di mahkamah. Saya mengingatkan

perkarainidemi menjaga imej Kerajaan yang berasaskan cogan kata Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta Perhutanan Negara, 1984.

5.57 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menunjuk minat atas perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perhutanan Negara, 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan.

Pada prinsipnya saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini akan tetapi saya juga suka menggunakan kesempatan ini untuk menyuarakan beberapa aspek yang saya anggap penting, khasnya tentang bagaimana Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan kerjasama daripada negeri-negeri yang ada terlibat dalam pelaksanaan Rang Undang-undang ini.

Adalah wajar dan kena pada masanya bagi kita membahaskan Rang Undang-undang Perhutanan Negara ini kerana sejak tahun 1974 terdapat banyak seruan dan gesaan supaya Rang Undang-undang seumpama ini diperkenalkan dan diluluskan dengan tujuan untuk mewujudkan pentadbiran, pengurusan dan pemeliharaan hutan di negara kita secara yang sempurna dan sistematik.

Perhutanan dan pemeliharaan alam sekitar adalah saling kait mengait. Apa juga gangguan ekologi kepada perhutanan akan juga memberi kesan kepada baka hidupan liar, baka tanaman, sumber air kita dan mengakibatkan masalah hakisan tanah-tanah serta lain-lain kesan akibat pembalakan.

Hutan Malaysia sedang ditebang pada satu kadar purata sebanyak 3,000

hektar setahun dan jika kadar pembalakan pada masa ini dibiarkan berterusan adalah dianggarkan bahawa semua hutan ini akan menghapuskan sumber kayu kayan negara dalam masa 12 tahun.

Eksplotasi yang berleluasa ke atas sumber hutan kita telah menjadi tajuk yang hangat dan membimbangkan semua pihak sejak awal tahun 1970an dan sejak 1974 lagi terdapat banyak seruan disuarakan supaya digubal Rang Undang-undang Perhutanan Negara, terutama sekali disebabkan satu dasar ke atas pengurusan hutan yang terlibat adalah merupakan satu isu yang kritikal dan mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perhutanan Negara, 1984 bertujuan mengseragamkan undang-undang di negeri-negeri dalam Malaysia mengenai pentadbiran, pengurusan dan pemeliharaan hutan-hutan dan pembangunan perhutanan. Penerimaan dan pemakaian Rang Undang-undang Perhutanan, 1984 akan juga membuka jalan kepada pelaksanaan berbagai strategi yang dirangka oleh Majlis Perhutanan Negara dan Kementerian Perusahaan Utama dalam bidang-bidang yang berikut:

- (i) pengurangan kadar pembalakan tahunan dari lebih kurang 300 ribu hektar kepada 149 ribu hektar dalam tahun 1986 dan selepasnya.
- (ii) pelaksanaan penanaman baru secara besar-besaran yang melibatkan 188,183 hektar selama 15 tahun.
- (iii) mempergiatkan usaha pemulihan menerusi rawatan silviculture ke atas kawasan-kawasan balak dalam hutan-hutan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membahaskan Rang Undang-undang

ini saya berpendapat bahawa pengemukaan Rang Undang-undang Perhutanan Negara boleh membangkitkan beberapa persoalan yang berhubungan dengan dasar-dasar Kerajaan dalam bidang-bidang yang berikut:

- (1) dari aspek undang-undang, aspek kesanggupan Kerajaan Negeri melaksanakannya;
- (2) dari aspek peruntukan hutan simpan kekal;
- (3) dari aspek pengurusan dan pemeliharaan hutan-hutan;
- (4) dari aspek suku masyarakat atau puak yang tinggal dalam hutan; dan
- (5) dari aspek langkah-langkah penguatkuasaan dan pembalakan secara haram.

Yang pertama, saya suka menyentuh sedikit mengenai pandangan saya terhadap langkah yang hendak diambil untuk menentukan bahawa Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakannya dengan cara berkesan dan apa yang saya anggap mustahak ialah sama ada objektif ini dapat dicapai atau tidak adalah bergantung kepada kesanggupan negeri-negeri untuk melaksanakannya. Pada teorinya Kerajaan Federal amat menyedari betapa pentingnya langkah-langkah pemeliharaan, ini boleh diketahui menerusi dengan lulusnya Akta Pemeliharaan Tanah 1960, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Taman Negara 1980 dan dengan tertubuhnya Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam tahun 1975. Malangnya kepentingan undang-undang ini yang saya sebutkan tadi nampaknya tidak mencerminkan pelaksanaan dan dasar-dasar Kerajaan Negeri. Misalnya Akta Taman Negara 1980 yang telah diluluskan oleh

Parlimen bagi memperuntukkan pentadbiran dan pengurusan kawasan Taman Negara di seluruh Malaysia tidak diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Dua masalah berkenaan dengan pemeliharaan alam sekitar yang utama iaitu sebagai satu contoh yang saya ingin menyentuh di sini ialah kempen Batu Caves dan kempen Selamatkan Taman Negara menunjukkan betapa seriusnya konflik-konflik antara Kerajaan Federal yang berhasrat mengekalkan kawasan Taman Negara dan kepentingan Kerajaan Negeri dalam bentuk faedah wang ringgit menerusi pengeksploitasi punca-punca sumber dalam kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam meluluskan Rang Undang-undang Perhutanan Negara ini adalah penting bagi kedua-dua pihak berkuasa iaitu Kerajaan Federal dan Negeri sama ada menyedari betapa perlu disegerakan pelaksanaan sebagai peruntukan yang membenarkan pengurusan dan pentadbiran sumber-sumber hutan negara kita secara yang sempurna dan betapa perlunya digiatkan usaha-usaha pemulihan.

Saya juga suka menyentuh Bahagian III dalam Rang Undang-undang ini mengenai hutan simpanan kekal, Fasal 7 di mana ianya menyebut bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mewujudkan sesuatu hutan simpanan kekal menerusi siaran dalam *Warta (Gazette)* Ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk menandakan kawasan-kawasan hutan simpanan yang ada sekarang atau yang baharu dikenal pasti untuk dilindungi di bawah Rang Undang-undang Perhutanan Negara 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 22 kawasan telah ditanda sebagai cadangan Taman Negara, Kawasan Simpanan Alam Semula Jadi dan

Taman Hidupan Liar. Tetapi sehingga hari ini tidak ada satu pun kawasan ini yang dijadikan sebagai Taman Negara oleh Kerajaan Negeri. Masalah Endau/Rompin adalah satu kes yang khusus yang mana kepentingan Pihak Berkuasa Negeri mengatasi dasar Kerajaan Federal berikutan kawasan itu dipajak untuk kerja pembalakan. Apa yang penting dinyatakan di sini dalam peruntukan ini ialah kepentingan ekonomi akan mengatasi dasar pemeliharaan melainkan Kerajaan Negeri mengambil daya usaha untuk melaksanakan peruntukan dengan maksud sebagai langkah pemeliharaan tidak sahaja mencerminkan sumber-sumber hutan sendiri tetapi juga hidupan liar, baka-baka tanaman dan punca air.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan hutan berkait rapat dengan pengekalan dan pemeliharaan sumber-sumber hidupan liar dan baka-baka tanaman. Tetapi dengan mengambil rekod mengenai dasar-dasar pemeliharaan Kerajaan yang ada sekarang kita menghadapi hutan kita sedang dieksploitasi secara sewenang-wenang bahawa ini mempunyai kesan ke atas baka hidupan liar kita. Banyak haiwan Malaysia termasuk kalau saya sebutkan di sini misalnya harimau, badak, gajah, buaya dan orang hutan dikelaskan sebagai terancam atau dalam bahasa Inggeris "the endangered species" oleh Pihak Berkuasa di "Red Data Book" dikeluarkan oleh sebuah pertubuhan dinamakan, dengan izin, International Union for the Conservation of Nature.

Tuan Yang di-Pertua, penebangan hutan kita secara berluasa dan juga mengakibatkan kehilangan berbagai baka flora dan fauna. Kesannya ke atas sumber air dan kawasan takungan air juga ketahuai dalam kawasan sekitar Lembah Kelang di mana semakin berkurangan air. Lebih-lebih lagi perkara hakisan tanah dan pengaliran baja di permukaan tanah juga

mengancam kepada pertanian. Tuan Yang di-Pertua, penerimaan dan pemakaian Rang Undang-undang Perhutanan Negara dan peruntukannya tidak begitu jelas mengenal pasti kepentingan hubungan antara pengurusan simpanan hutan dan perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi.

Dalam melaksanakan berbagai peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, adalah penting diinsaf keperluan menghubungkan berbagai jabatan dan agensi-agensi yang terlibat. Pada masa lalu oleh kerana konflik di antara pentadbiran satu jabatan dengan satu jabatan yang lain, misalnya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan, perhutanan penguatkuasaan bergantung kepada keutamaan setiap jabatan masing-masing. Apa yang penting ialah betapa mustahaknya dipastikan bahawa terdapat penyelarasan antara jabatan dengan tugas-tugas yang berkait. Dalam masa yang sama eksploitasi hutan semestinya dilihat dari sudut pengurusan dan pemulihan sahaja tetapi juga termasuk kajian kesan alam sekitar bagi memastikan kesan-kesan ke atas sumber-sumber lain.

Satu aspek lain yang saya ingin menyentuh ialah apa yang berkait rapat dengan pengurusan sumber hutan ialah hal-hal yang ada kesannya ke atas masyarakat Orang Asli. Banyak masyarakat Orang Asli yang berada di Malaysia Barat dan Timur didapati tinggal dalam kawasan hutan dan bergantung ke atas sumber-sumber hutan untuk penghidupan mereka. Dengan membuka tanah-tanah hutan oleh syarikat-syarikat pembalok, satu perkara yang amat membimbangkan dan perkara-perkara yang dihadapi ialah hak-hak masyarakat Orang Asli.

Sebagai satu contoh, di Sarawak eksploitasi hutan mempunyai kesan yang serius ke atas Orang-orang Asli

yang bergantung kepada hutan dan alam sekitar untuk penghidupan mereka. Penebangan hutan secara berleluasa telah menyebabkan berlakunya pemendapan di sungai-sungai dan mengakibatkan banjir yang mengancam masyarakat rumah panjang. Pada masa yang sama, pembukaan kem-kem balok yang extensive telah menyebabkan Orang-orang Asli kehilangan tempat tinggal tanpa pemberian pampasan yang cukup dan sempurna atau membantu menyediakan cara hidup baru sebagai gantinya.

Maka dalam melaksanakan Rang Undang-undang Perhutanan Negara, 1984 ini tidak ada peruntukan yang berkait kepada kesan atau impact pengeksploitasian hutan ke atas masyarakat Orang Asli. Pada masa yang sama tidak ada juga peruntukan untuk menghubungi lain-lain agensi pentadbiran yang terlibat dengan hal ehwal masyarakat Orang Asli. Adalah penting supaya Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan untuk bekerja rapat dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, dengan adanya Rang Undang-undang ini untuk menyediakan perlindungan dan hak-hak masyarakat ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sehingga baru-baru ini dalam masa sebulan kejadian-kejadian pembalokan secara haram dilaporkan berlaku dalam berbagai tempat di negara kita, seperti Hutan Simpan Teloi di Kedah, Hutan Simpan Lenggong, Jemalong di Johor, kawasan Hulu Terengganu di Terengganu dan setengah-setengah tempat di Kelantan. Langkah-langkah penguatkuasaan sebenarnya pada anggapan saya adalah lemah dan oleh kerana ini maka timbulnya kejadian-kejadian pembalokan secara haram ini.

Saya suka menggunakan kesempatan ini untuk menitikberatkan

tentang begitu mustahaknya bahawa mengenai aspek penguatkuasaan undang-undang, apa yang penting pada saat ini ialah menekankan betapa perlu langkah-langkah penguatkuasaan yang berkesan dan pemeriksaan yang kerap bagi memastikan bahawa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dipatuhi sepenuhnya oleh syarikat-syarikat pembalakan. Adalah penting penyelesaian kepada masalah ini ialah penglibatan Kerajaan untuk meletakkan tugas memelihara dan mengekalkan sumber-sumber hutan mengatasi faedah-faedah perdagangan jangka pendek.

Dengan pandangan ini, saya suka mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh.

6.15 ptg.

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):** Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kebenaran untuk mengemukakan pendapat saya mengenai Rang Undang-undang Perhutanan Negara, 1984.

Hutan adalah salah satunya sumber semula jadi sesebuah negara, begitu juga dengan Malaysia. Adalah bertuah sekali bagi kita mempunyai sebuah daerah hutan yang luas di negara kita dan kita juga tidak ketinggalan zaman dalam mengeksploitasi hutan-hutan ini untuk mendapatkan kayu balak sejak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti sedar akan hakikat bahawa kayu balak yang dihasilkan itu berasal daripada pokok-pokok yang tumbuh dengan secara semula jadi untuk satu jangka masa yang panjang sebelum ia mempunyai nilai ekonomi. Setengah daripada pokok-pokok ini telah tumbuh selama beratus-ratus tahun.

Tambahan pula, sekiranya pokok-pokok ini dibiarkan untuk tumbuh semula secara semula jadi dengan sendirinya, didapati bahawa kadar pertumbuhannya adalah lambat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat saya supaya kita mempertimbangkan hakikat bahawa hutan-hutan kita telah lama dieksploitasikan tanpa sebarang usaha pemeliharaan yang betul. Lantaran itu banyak hutan telah dimusnahkan dan berikutan dari penggunaan traktor-traktor dengan sembarangan, maka tumbuh-tumbuhan kecil yang bernilai juga turut dihapuskan.

Kita telah nampak apa yang terjadi kepada negara-negara sivilisasi kuno di Eropah dan Asia di mana gunung-gunungnya telah dibersihkan sama sekali daripada pokok-pokok hutan. Di negara-negara ini sedang menjalani program pembaharuan semula hutan (reforestation) dengan secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya telah mengakibatkan negara-negara yang lebih maju dari segi ekonomi pergiatkan usaha mereka untuk mengeksploitasikan sumber-sumber bekalan kayu balak negara-negara yang sedang membangun. Malaysia juga tidak ketinggalan dari pengeksploitan negara-negara tersebut dan seiring dengan pengalaman dari sistem penjajahan di negara ini, situasi ini telah diperburukkan lagi.

Cara pengendalian negara-negara ini semata-mata bermotif untuk menetapkan harga-harga kayu balak dunia mengikut kesukaan mereka. Dengan berbuat demikian, ia juga mempunyai kawalan efektif ke atas hasil pengeluaran kita. Keadaan ini dapat kita samakan dengan keberkesanan usaha mereka untuk mengawal minyak mentah dunia

dalam tempoh sebelum tahun-tahun 70an. sehingga apabila negara-negara pengeluar minyak bertindak untuk mengawal keadaan itu. Pembekal-pembekal kayu balak utama di dunia ini terdiri daripada negara-negara ASEAN dan negara-negara Asia Tenggara lain. Di sini, adalah menjadi hasrat saya untuk menunjukkan bahawa usaha untuk mengadakan kawalan secara bersendirian ke atas bekalan-bekalan ini adalah tidak mencukupi. Sebaliknya kita perlu mengkaji kemungkinan untuk berusaha bersama dengan negara-negara pembekal kayu balak lain, khususnya sekutu-sekutu ASEAN, demi mencari jalan-jalan penyelesaian yang paling baik untuk mengumpul hasil-hasil kita, memandangkan bahawa harta kekayaan kita ini kian lenyap hari demi hari.

Saya yakin bahawa melalui cara sedemikian kita berkemungkinan boleh mengurangkan kadar pembalakan, tetapi sebaliknya pada masa yang sama mencapai kadar pulangan pendapatan negara yang setaraf dengan bilangan pokok yang telah ditebangkan. Pendek kata, kita mesti berusaha dengan seberapa daya untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi hasil pengeluaran kita.

Pada masa yang sama, kita mesti mengkaji cara-cara penyelesaian yang sesuai, untuk memulihkan semula kawasan-kawasan pembalakan kita dengan pokok-pokok yang telah ditebangkan. Mujurnya Malaysia mempunyai satu jenis iklim dan cuaca yang baik bagi pertumbuhan pokok-pokok ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya usaha-usaha yang lebih ekstensif dilakukan dalam bidang penyelidikan supaya ia tidak sahaja dihadkan kepada rancangan-rancangan pembaharuan semula hutan, tetapi juga kemungkinan menanam hutan-hutan perdagangan

Tidak usah saya katakan bahawa alam persekitaran semula jadi mesti dipelihara pada setiap masa, sama ada dari segi pembaharuan semula hutan atau penanaman pokok-pokok hutan secara bertani demi memelihara dan mengekalkan alam persekitaran kita, mengelakkan aktiviti-aktiviti penghakisan tanah yang tidak kena pada tempatnya, banjir atau lain bentuk malapetaka yang sering terjadi disebabkan oleh pengeksploitan hutan-hutan kita. Sekiranya pokok-pokok ini dibiarkan bersendirian untuk tumbuh secara semulajadi, ia mungkin mengambil masa beberapa tahun sebelum hasilnya dapat dikecapi. Walau bagaimanapun, pada pihak yang lain sekiranya penyelidikan kita mampu menghasilkan satu jenis tumbuhan yang luarbiasa di mana hasilnya boleh ditebus dalam satu jangka masa yang pendek, katakanlah 10 hingga 15 tahun, maka saya percaya, kita boleh mencapai objektif kita untuk membekalkan kayu balak dengan tidak berhenti-berhenti dan tidak perlu bimbang akan kelenyapannya. Dan pada masa yang sama ia juga dijangkakan akan terus menyediakan "green lungs" kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, dunia ini mempunyai keluasan tanah yang terhad, dan begitu juga dengan hutan-hutan yang boleh berfungsi sebagai tempat untuk orang ramai menikmati udara nyaman. Sekiranya hutan tidak lagi memainkan fungsi ini, maka lama kelamaan dunia ini akan menjadi tandus dan tidak bernilai. Akibatnya manusia terpaksa menanggung penderitaan. Sebagai salah sebuah anggota dunia ini, Malaysia juga perlu turut memainkan peranannya dalam membekalkan "green lungs" demi kepentingan masa depan bumi ini. Kalau tidak, kita akan berhadapan dengan sebuah bumi yang tandus dan tidak bernilai sehingga sebarang usaha untuk menanam biji-bijian dan sayur-sayuran juga turut terancam.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya lupa, bahawa dalam masa-masa di mana ancaman ini sedang menjadi-jadi, penduduk negara kita juga semakin meningkat hari kian hari, dan turut bertambah secara berpropotional ialah peningkatan dalam permintaan manusia terhadap bekalan makan-makanan. Memang sudah pasti bahawa apa yang telah saya kemukakan di sini, untuk perhatian bersama adalah semata-mata untuk kepentingan bersama dalam jangka masa panjang. sebagai wakil-wakil pilihan orang ramai, pihak Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara kita adalah bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan jangka panjang rakyat negara ini, dan bukan kepentingan jangka pendek yang bermotif untuk mendapatkan keuntungan-keuntungan kewangan secara serta merta, kalau tidak kita mungkin dituduh memusnahkan warisan semulajadi kita oleh generasi-generasi akan datang. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat sudah cukup perkara ini dibincangkan dalam satu hari dan saya minta Menteri menjawab pada masa sekarang.

6.28 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, saya

minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat habis 6.30 tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua minit lagi.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Ada dua minit lagi? Saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini. Sukacita di sini saya seberapa daya yang boleh akan menjawab segala teguran dan ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya terdapat ada perkara-perkara yang tidak disentuh, saya akan mengambil ingatan atas perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang sewajar bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup (*Ketawa*), sambung pada esok hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*